



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

---

**Jilid I            Bil. 1            Hari Isnin            1hb Disember, 1986**

---

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

<b>Y.B. Dato' Hak Hon Kam</b>	
<b>Y.B. Tuan Stephen Timothy Wan Ullok</b>	
<b>Y.B. Puan Rokiab binti Zainuddin</b>	
<b>Y.B. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim</b>	
<b>Y.B. Tuan Koh Im Pin</b>	
<b>Y.B. Datuk Nasir bin Haji Manap</b>	<b>(Ruangan 1)</b>

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

<b>Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Bagiada Yang di-Pertuan Agong</b>	<b>(Ruangan 1)</b>
<b>Memperkenankan Akta-akta</b>	<b>(Ruangan 7)</b>
<b>Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru</b>	<b>(Ruangan 3)</b>
<b>Perutusan daripada Dewan Rakyat</b>	<b>(Ruangan 3)</b>

**URUSAN MESYUARAT** **(Ruangan 4)**

**JAWAPAH-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** **(Ruangan 5)**

KANDUNGANNYA (Samb.)

USUL-USUL:

**Jalan-jalan Masuk ke Parlimen (Ruangan 32)**

**Jawatankuasa Pemilih - Lantikan Ahli-ahli:**

Y.B. Tuan Hussein bin Ahmad  
Y.B. Dato' Mak Hon Kam  
Y.B. Puan Mazidah binti Haji Zakaria  
Y.B. Tuan Rajoo a/1 Desari @ Govindasamy (Ruangan 35)

**Aturan Urusan Mesyuarat (Ruangan 36)**

**Akta Perubatan 1971:**

**Penguatkusaan Bahagian VII (Ruangan 37)**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka  
Baginda Yang di-Pertuan Agong - Y.B. Puan Mazidah  
binti Haji Zakaria (Ruangan 41)**

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 1hb Disember, 1986**

**Mesyuarat dimulakan pada 2.30 petang**

**D O A**

**[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]**

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat wang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Dato' Mak Hon Kam
2. Tuan Stephen Timothy Wan Ullok
3. Puan Rokiah binti Zainuddin
4. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim
5. Tuan Koh Ira Pin
6. Datuk Nasir bin Haji Manap

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**TITAH UCAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi 7hb Oktober, 1986 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata Rasmi Parlimen.

**[TEKS TITAH UCAPAN D.Y.M.M. DIEDARKAN]**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Parlimen yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Perbekalan Tambahan (1985) 1986;
2. Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1986;
3. Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1986;
4. Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 1986;
5. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1986;
6. Akta Pilihanraya (Pindaan) 1986;
7. Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1986;
8. Akta Pencen (Pindaan) 1986;
9. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1986;
10. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1986;
11. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1986;
12. Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
13. Akta Paten (Pindaan) 1986;
14. Akta Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan) 1986;
15. Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986;
16. Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1986; dan
17. Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1986.

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya harap semoga Ahli-ahli yang baru dilantik, dilantik semula dan dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Tang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

**[Setiausaha membacakan Perutusan]**

"23hb Oktober, 1986

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986);
2. Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Merdeka (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Perpustakaan Negara (Pindaan);

6. Rang undang-undang Penyerahan Bahan Perpustakaan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) (Pindaan); dan
9. Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan);

Yang ikhlas,

t . t .

Yang di-Pertua Dewan Rakyat."

#### URUSAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986);
2. Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Merdeka (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Perpustakaan Negara (Pindaan);

6. Rang undang-undang Penyerahan Bahan Perpustakaan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) (Pindaan); dan
9. Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan);

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

#### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

##### NILAI RINGGIT MALAYSIA

1. **Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab nilai ringgit malaysia lemah berbanding dengan nilai matawang negara jiran.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah Kerajaan memaklumkan di Dewan yang mulia ini pada sesi-sesi yang lalu, nilai ringgit adalah disebut berasaskan gabungan sekumpulan perwakilan matawang rakan-rakan perdagangan utama Malaysia dan tidak dalam bentuk mana-mana matawang tertentu seperti dolar Amerika Syarikat, pound sterling, Yen Jepun ataupun dolar Singapura. Melalui amalan ini, nilai ringgit bergerak bebas di dalam pasaran pertukaran wang asing mengikut faktor bekalan dan permintaan atau, dengan izin, supply and demand, terhadap ringgit.

Oleh itu kelemahan nilai ringgit berbanding dengan nilai mana-mana matawang tidak terhad kepada nilai matawang jiran sahaja tetapi adalah berasaskan kepada taktor pasaran ini. Faktor pasaran ini adalah dipengaruhi oleh keadaan ekonomi negara.

Kelemahan dan kelembapan pertumbuhan ekonomi negara pada masa kini dipengaruhi keadaan pertumbuhan ekonomi dunia yang lembab yang telah menjejaskan perdagangan antarabangsa. Perkembangan ini telah mengurangkan permintaan terhadap barangan utama. Di samping itu bekalan barangan utama di pasaran dunia seperti minyak mentah, minyak kelapa sawit dan bijih timah yang menjadi eksport utama Malaysia adalah berlebihan. Ini telah menekan turun harga kebanyakan barangan utama dan telah menjejaskan pendapatan eksport Malaysia. Oleh kerana lebih daripada 50% pendapatan negara adalah tertanggung kepada prestasi eksport, pengurangan pendapatan dari eksport barangan utama telah membawa kesan yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya mempengaruhi nilai ringgit.

#### PENDATANG HARAM - STATISTIK

2. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah pendatang-pendatang haram membanjiri Malaysia bagi tahun 1985-1886 dan apakah langkah-langkah wajar yang diambil bagi mengatasi masalah ini yang mengancam kestabilan, keselamatan dan ekonomi negara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai statistik mengenai pendatang-pendatang haram yang berada di negara



ini oleh kerana kemasukan mereka adalah secara haram dan menyalahi Undang-undang Imigresen. Mereka sentiasa menjauhkan diri dari pihak berkenaan kerana mereka takut dikenakan tindakan mengikut kehendak undang-undang Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedang dan akan bertindak tegas terhadap semua pendatang-pendatang haram di negara ini. Mana-mana pendatang haram yang dikesan akan terus ditangkap, didakwa dan diusir keluar dari Malaysia.

Selain daripada tindakan tegas yang diambil ke atas pendatang haram yang dikesan, Kementerian Dalam Negeri juga telah mengetatkan lagi rondaan di kawasan-kawasan sempadan daratan dan perairan mereka. Tindakan ini dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan-jabatan lain yang berkenaan untuk mencegah kemasukan warganegara asing secara haram ke negara ini. Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri telah berjaya mengurangkan kemasukan pendatang haram ke negara ini dan juga mengurangkan bilangan pendatang haram yang masih berada di Malaysia. Tindakan-tindakan itu termasuklah mengadakan serbuan mengejut di kawasan-kawasan yang kita jangka ada ramai pendatang haram.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, selalu kita dengar sama ada pemimpin-pemimpin ataupun pegawai-pegawai Kerajaan bercakap di mana-mana dikatakan pendatang haram ini diagakkan ada sekian puluh ribu, sekian ratus ribu di Sabah, datang dari Indonesia, Filipina dan dari Burma. Kalau penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi mengatakan Kerajaan tidak ada angka, jadi kalau begitu, angka yang disebut selalu ini yang kita dengar adalah angka agak-agak.

Jadi, untuk agak-agak ini boleh menyebabkan kekeliruan di kalangan orang ramai merasa takut. Apa sikap Kerajaan untuk menghapuskan rasa takut atau pun angka agak-agak ini selalu kita dengar selama ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya katakan bahawa perkara ini perkara haram. Kemasukan pendatang-pendatang ini secara haram. Oleh kerana haram bagaimana kita hendak kesan. Tetapi pihak-pihak tertentu boleh mengemukakan bilangan-bilangan yang mereka suka. Apa yang dapat kita kemukakan ialah bilangan pendatang-pendatang haram yang telah dapat kita usir tetapi yang masuk adalah sukar kerana maklum sahaja-lah pantai perairan kita terlalu panjang tentu sekali kemasukan mereka ini sukar dikesan.

**Datuk Ishak bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut ada di antara pendatang-pendatang haram ini telahpun dihantar pulang ke negara asalnya. Saya ingin tahu berapa ramaikah pendatang haram dari negara jiran kita Indonesia dan Thailand yang telah dihantar balik selama **ini**.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan pendatang haram Indonesia yang telah dapat kita hantar pulang atau diusir pulang:-

<b>Tahun</b>	<b>Indonesia</b>	<b>Thailand</b>
1981	2,274 orang	2,141 orang
1982	2,910 "	2,067 "
1983	4,573 "	3,002 "
1984	6,647 "	2,967 "
1985	12,582 "	5,771 "
setakat Ogos, 1986	6,032 "	1,443 "

**Tuan R. M. Jasni:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini telah mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pendatang haram itu tidak dapat dikesan kerana mereka pendatang haram, Tidakkah 'Kerajaan bercadang untuk mengadakan tabung maklumat di mana orang n isai dapau menolong Kerajaan memberi maklumat itu supaya Kerajaan dapat meugesannya?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tabung maklumat tidak penting. Kalau semua rakyat negara ini bertanggungjawab dan mengetahui bahawa pendatang harara ini merupakan satu gejala buruk negara ini, tiap-tiap rakyat yang aetia kepada negara harua memberi maklumat kepada Kerajaan.

**Puan Hajjah Hasanah binti Haji Mohd Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, setelah kita dengar daripada Timbalan Menteri yang berkenaan dengan kenyataan, ramai dan sedikit sebanyak datang dari Thailand dan Indonesia. Adakah pendatang haram dari negara-negara lain yang datang ke Malaysia kita ini. Harap nyatakan dan berapa ramai?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Saya hanya sebutkan nama-nama negara sahaja tetapi tidak bilangan, kerana memberi peluang kepada Kementerian-kementerian lain untuk menjawab. Negara-negara tersebut ialah Amerika, Seri Lanka, Bangladesh, Burma, Britain, Pilipina, India, Kampuchea, Nepal, Pakistan, Singapura, Vietnam dan Taiwan setakat ini.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Daripada jumlah sekian ribu pendatang haram yang telah dihantar pulang, adakah pihak Kerajaan sedar bahawa ada di antara mereka yang dihantar itu - datang semula dan membawa pendatang-pendatang yang -lain. Adakah Kerajaan bercadang supaya mereka yang

sudah ditangkap dan dihantar pulang ke mana-mana negara asalnya diberi tanda supaya kalau datang balik, dapat tahu?

**Dato' Megat Junis bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, pendatang haram yang diusir keluar dan balik kembali itu memang ada, tetapi selalunya ini merupakan negara-negara jiran. Kita terpaksa menjaga kedamaian dan keutuhan persahabatan antara negara-negara yang berjiran. Dengan sebab itu tidaklah mahu kita mengadakan tanda dan sebagainya.

#### CUKAI PENDAPATAN - SKIM POTONGAN GAJI

**3. Puan Rajjah Azizah binti Haji Mohd.Said** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa memandangkan pada masa ini pegawai-pegawai Kerajaan diberi keberiaran oleh Jabatan Cukai Dalam Negeri merabayar cukai pendapatan mereka melalui potongan gaji bulanan secara beransur-ansur sementara pekerja-pekerja dari Syarikat-syarikat Swasta dikehendaki membayar cukai tersebut secara sekali gus dalam tahun berikutnya, adakah pihak Kementerian bercadang memberi kebenaran yang sama kepada pekerja-pekerja swasta supaya cukai pendapatan mereka dapat dibayar secara beransur-ansur pada tiap-tiap bulan sama seperti kakitangan Kerajaan.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa mulai Tahun Taksiran 1987 skim potongan gaji bagi maksud bayaran cukai pendapatan akan diwajibkan kepada semua pekerja. Skim ini bukan sahaja meliputi kakitangan Kerajaan tetapi juga ianya meliputi pekerja-pekerja di sektor swasta. Skim ini diwajibkan bagi semua pekerja yang mempunyai cukai yang kena dibayar melebihi \$500 bagi mana-mana tahun taksiran.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, skim ini boleh juga dipanjangkan kepada mereka yang kena membayar cukai kurang daripada \$500, sekiranya mereka meminta berbuat demikian.

**BAHASA CINA DI SEKOLAH-SEKOLAH**

4. **Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian beliau ada rancangan menetapkan Bahasa Cina sebagai satu mata pelajaran wajib untuk murid-murid bangsa Cina di dalam sekolah rendah serta menengah.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahasa Cina adalah diwajibkan di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Bagi Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah yang bukan berbahasa pengantrar Cina, bahasa itu diajar apabila terdapat permintaan dari ibubapa raurid-murid yang tidak kurang dari 15 orang dan sekiranya cukup kemudahan. Ini adalah berdasarkan Akta Pelajaran, 1961.

**PERUNTUKAN BANTUAN MODAL KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH**

5. **Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah Kementerian Pelajaran mempertimbangkan membina semula bangunan-bangunan sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Negeri Kedah yang kini dalam keadaan lapuk dan bahaya; dan
- (b) juralah peruntukan bantuan modal yang telah diluluskan untuk semua aliran sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:-

- (a) Kementerian Pelajaran sentiasa mempertimbangkan Bantuan Modal bagi memperbaiki dan membina semula bangunan sekolah yang telah uzur. Walau bagaimanapun, bantuan yang dipertimbangkan adalah berdasarkan kepada peruntukan yang ada.

- (b) Jumlah peruntukan Bantuan Modal yang telah diluluskan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina semenjak awal Rancangan Malaysia Keempat sehingga sekarang ini adalah sebanyak \$16 juta.

**GURU BAHASA MALAYSIA/INGGERIS - JUMLAH**

**6. Tuan Tay Chee King** minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) setakat ini jumlah guru-guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang akan bersara dan dapat perlantikan semula; dan
- (b) setakat ini kekurangan jumlah guru-guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di seluruh negara kita.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini seramai 131 orang guru yang bersara telah diperakukan perlantikan semula perkhidmatan mereka iaitu 40 orang guru Bahasa Malaysia dan 91 orang guru Bahasa Inggeris. Mereka telah melaporkan diri untuk berkhidmat pada penggal III persekolah tahun ini
- (b) Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kekurangan guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di seluruh negara ialah lebih kurang 1,164 orang, iaitu 399 orang guru Bahasa Malaysia dan 765 orang guru Bahasa Inggeris.

**Datuk Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri guru-guru yang telah bersara diambil balik untuk mengajar Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Selain daripada mengambil guru-guru yang telah bersara tidakkah ada rancangan lain yang lebih baik lagi supaya guru-guru itu lebih muda ataupun yang tidak bersara.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada rancangan-rancangan lain termasuklah kita menghantarkan guru-guru yang lebih muda, yang lepasan Tingkatan V misal kata ke England untuk mengikuti kursus TESL dan ada juga dihantar guru-guru lain di samping mereka yang dihantar untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kursus Bahasa Inggeris. Namun demikian, tidaklah boleh kita perkatakan bahawa yang lebih muda adalah lebih baik kerana ada juga dari kumpulan yang lebih tua menganggap mereka lebih baik daripada yang muda.

Dasar kita sekarang ialah kita memikirkan bahawa yang sudah berpengalaman ini kalau diabil semula mungkin dapat memberi sumbangan kepada kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang ada di negara kita ini supaya dapatlah mutu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia di negara kita ini. dapat kita pertingkatkan.

**JAWATANKUASA PEMULIHAN DADAH - PENUBUHAN**

7. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-berapakah jumlah kawasan-kawasan yang telah menubuhkan AJK Pemulihan Dadah di seluruh negira;

(ii) berapa jumlah pelatih-pelatih yang telah dibebaskan dari pusat-pusat Pemulihan semenjak Pusat pemulihan ditubuhkan di seluruh negara; dan

(iii) benarkah peratusnya terlalu tinggi bahawa pelatih-pelatih yang telah dibebaskan dari Pusat-pusat Pemulihan terlibat semula sebagai penagih, apakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua,

(i) Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, jumlah kawasan yang telah ditubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Dadah adalah sebanyak 78 kawasan. Taburan Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

	Negeri	Bilangan Kawasan
1.	Kedah	6
2.	Pulau Pinang	8
3.	Perak	22
4.	Wilayah Persekutuan	18
5.	Selangor	4
6.	Negeri Sembilan	8
7.	Melaka	1
8.	Johor	11
	JUMLAH	78



Negeri-negeri yang lain seperti Pahang, Perlis, Kelantan, Trengganu, Sabah dan Sarawak masih dalam perancangan untuk raenubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pemulihan Dadah di Daerah-derah yang tertentu dimana didapati penglibatan penagihan dadah adalah tinggi.

(ii) Sejak ditubuhkan Pusat Pemulihan Dadah, bilangan pelatih-pelatih yang telah dibebaskan adalah seperti berikut:-

Pusat Serenti Tampin	-	605
Pusat Serenti Perlop	-	224
Pusat Serenti Sg. Petani	-	28
Pusat Insaf Diri Bukit Mertajam	-	3,012
Pusat Insaf Diri Tampoi	-	3,071
Pusat Insaf Diri Besut	-	1,316
Pusat Pemulihan Dadah Kuala Kubu Bahru	-	2,687

(iii) Peratusan mereka yang dibebaskan dari Pusat Pemulihan Dadah yang terlibat semula dalam penagihan adalah satu perkara yang subjektif. Oleh kerana kriteria untuk menakrifkan penglibatan semula berbeza dari kajian-kajian yang dibuat oleh badan-badan yang tertentu. Sebagai contoh, Universiti Sains Malaysia menakrifkan seseorang itu terlibat semula jika ia menghisap sekali sahaja dalam tempoh 2 tahun Jagaan Lanjutan; manakala Bahagian Rawatan dan Pemulihan

Dadah, Kementerian Dalam Negeri menentukan bahawa seseorang itu bebas dari penagihan dadah sekiranya dalam tempoh 6 bulan terakhir Jagaan Lanjutan mereka tidak mengambil semula dadah dan di.teri.ma sebagai bebas dari penagihan semula.

Walaupun belum ada satu-satu kajian khusus tentang perkara ini, pihak Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah dapat menganggarkan lebih kurang 30% telah berjaya. Peratusan ini didapati adalah tinggi jika dibandingkan dengan peratusan-peratusan yang terdapat di negara-negara lain.

Untuk memastikan-bekas-bekas penagih dadah tidak terlibat semula dalam penagihan dadah, pihak Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pemulihan Dadah Kawasan di seluruh negara supaya Jawatankuasa ini dapat memberi perhatian penuh untuk memastikan bekas-bekas penagih dadah itu bebas dari dadah. Jawatankuasa-jawatankuasa ini mengendalikan berbagai aktiviti di Pusat-pusat Harian dan Pusat-pusat Jagaan Lanjutan.

Projek-projek perusahaan dan pertanian juga diusahakan oleh Jawatankuasa ini untuk membolehkan bekas penagih bekerja sepenuh masa demi mengatasi pengangguran di kalangan mereka.

Di samping itu Pegawai-pegawai Pemulihan Dadah akan memberi pertolongan sepenuhnya untuk mendapatkan mereka kerja di kawasan-kawasan di mana mereka berada, di samping memberi nasihat dan kaunseling sepanjang 2 tahun Jagaan Lanjutan bagi mengatasi berbagai-bagai masalah yang mereka hadapi. Ini adalah satu proses yang mustahak demi untuk mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga melibatkan diri untuk membantu penagih-penagih dadah ini supaya mereka menjadi ahli-ahli Persatuan Belia, dan dengan yang demikian mereka dapat bergaul dengan kawan baru yang mana tidak terlibat dengan penagihan dadah.

Selain daripada tindakan Kerajaan, badan-badan sukarela seperti PEMADAM juga mempunyai rancangan tertentu untuk menolong bekas-bekas penagih dalam kegiatan-kegiatan pertanian dan perusahaan. Pihak PEMADAM juga sedang melatih para kaunselor yang terdiri dari pekerja-pekerja sukarela supaya bekas-bekas penagih dadah ini sentiasa dapat menghubungi mereka sekiranya pertolongan diperlukan.

#### PENGGANAS KOMUNIS YANG DIBUNUH

**8. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah jumlah bilangan anggota Parti Komunis Malaya yang telah menyerah diri dan dibunuh oleh pasukan keselamatan kita dalam tahun 1985 hingga bulan Oktober 1986 dan nyatakan bilangan anggaran yang masih diburu di negeri-negeri berkenaan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 1985 sehingga bulan Oktober 1986, seramai 7 orang pengganas komunis telah dibunuh oleh Pasukan Keselamatan dan dalam tempoh yang sama juga seramai 70 orang telah menyerah diri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua bilangan pengganas komunis Parti Komunis Malaya (PKM) masih berada di Semenanjung Malaysia dianggarkan "seramai kira-kira 180 orang. Mereka bergerak di negeri-negeri Perak, Pahang, Kelantan dan Selangor, dan mereka sentiasa diburu oleh Pasukan Keselamatan kita.

**KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH - PELAKSANAAN****9. Tuan G. Rajoo** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang sedang diambil dan persiapan yang dibuat sehingga ini untuk menghadapi KBSM tahun 1988 di Sekolah Menengah.
- (b) jenis-jenis latihan yang diberi kepada guru-guru sekolah Menengah untuk melaksanakan KBSM; dan langkah-langkah yang diambil untuk memasuki
- (c) pengajian Bahasa Ibunda (POL) dalam jadual Waktu KBSM.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk menjawab:-

- (a) Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah dan sedang menjalankan berbagai langkah dan persiapan yang berkaitan dengan KBSM seperti sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran, pemeringkatan kandungan dan penulisan buku teks. Ketika menyediakan KBSM, pandangan dan sumbangan dari pihak-pihak tertentu juga telah diambil kira. Walau bagaimanapun, pelaksanaan KBSM akan ditangguhkan buat sementara kerana terdapat beberapa aspek yang perlu diperkemaskinikan.
- (b) Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran akan menyediakan dua jenis latihan atau orientasi kepada guru-guru untuk melaksanakan KBSM. Pertama melalui kursus pra-perkhidmatan di mana Kementerian Pelajaran telah mendedahkan KBSM kepada pensyarah-pensyarah kanan Maktab Perguruan supaya mereka dapat memahami, menghayati dan menyerapkan KBSM ke dalam

program latihan perguruan. Kedua melalui orientasi dalam perkhidmatan, di mana pada asasnya setiap guru Mokolah menengah akan didedahkan kepada KBSM.

- (c) Kementerian ' Pelajaran sedang berusaha untuk memasukkan matapelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil ke dalam jadual waktu Sekolah KBSM. Walau bagaimanapun, perkaa ini perlu disusun berasaskan kepada seluruh aspek penjadualan waktu sekolah dan peraturan-peraturan peruntukan waktu bagi tiap-tiap matapelajaran.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, apakah bahasa Cina, Bahasa Tamil merupai. bahasa ibunda di negara Malaysia ini?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan dengan bahasa ibunda ialah bahasa yang dipercakapkan oleh rumpun yang menggunakan bahasa itu. Dari segi pandangan pihak Kementerian Pelajaran sebagaimana yang dikatakan ialah bahasa ibunda ialah bahasa yang dipercakapkan oleh rumpun itu, dan bahasa yang kita perkatakan ini ialah bahasa kita maksudkan sebegini rupa.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian Pelajaran sedar bahawa bahasa ibunda yang sebenarnya ialah Bahasa Malaysia dan tidakkah istilah bahasa ibunda yang digunakan oleh Kementerian Pelajaran sendiri tanpa meneliti daripada faktor-faktor sejarah telah menunbulkan banyak isu-isu yang controversial?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya perkatakan tadi, bahasa ibunda ialah bahasa yang dipercakapkan oleh rumpun yang kita maksudkan iaitu rumpun Cina -bahasa Cina dan rumpun Tamil - bahasa Tamil, tetapi bagi rumpun yang berasal dari golongan bangsa Melayu diperkatakan Bahasa Melayu. Tetapi sekarang apa yang kita persoalkan ialah mungkin soal Bahasa Malaysia dan kita hendak jadikan Bahasa Malaysia itu sebagai bahasa kita di negara Malaysia ini. Jadi Rumpun-rumpun yang dimaksudkan seharusnya menganggap juga bahawa Bahasa Malaysia itu ialah bahasa ibunda negara Malaysia.

**Puaon Ainon binti Ariffin:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti. Yang Berhormat sudah bertanya tadi bukan? Kalau sudah dapat peluang sekali, cukuplah dan janganlah bangun dua kali!

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Kerajaan bercadang untuk menetapkan yang bahasa ibunda sebenarnya bagi negara Malaysia ialah Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya berita tadi bahawa kita sekarang dalam proses mempertimbangkan KBSM. Kita mengambil kira juga pandangan-pandangan dari berbagai pihak. Kalau sekiranya didapati bahawa penterjemahan, definisi dan sebagainya perlu kita ubahsuaikan termasuk juga mungkin apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, insya Allah kita akan mengambil kira.

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Skim KBSM ini berkait dengan apa rancangan yang dibuat untuk murid-murid di sekolah menengah bagi mereka yang akan menamatkan pelajaran di sekolah-sekolah rendah di bawah skira, dengan izin, 3R sistem pada tahun yang akan datang?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memang pada dasarnya kita ingin menjadikan KBSM ini kesinambungan ataupun sambungan kepada KBSR, tetapi tidak semestinya satu per satu aspek yang ada dalam KBSR itu akan disambung kepada KBSM walaupun dari segi keseluruhannya, kita berkehendakkan berbuat demikian. Dari segi aspek-aspek spesifik mungkin kita perlu mengubahsuaikan kepada keadaan walaupun seperti saya kata tadi dari segi dasar umumnya kita hendak menjadikan KBSM itu satu sambungan kepada KBSR.

#### INDUSTRI BIJIH - KEJATUHAH HARGA

**10. Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah sebab utama kejatuhan industri bijih timah di Malaysia; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki harga bijih timah.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, perusahaan timah negara kita berkait rapat dengan perusahaan timah dunia dan tidak dapat mengelakkan diri dari kenyataan yang melanda perusahaan itu. Kemerosotan harga timah adalah merupakan suatu gejala yang timbul kerana lebih bekalan ke atas permintaan akibat penggunaan barang-barang gantian seperti aluminium, kertas dan plastik dan juga kelembapan ekonomi dunia. Walaupun Malaysia merupakan sebuah negara pengeluar timah utama di dunia, pihak kita sabaja tidak berkuasa mempengaruhi ataupun menstabilkan harga timah oleh kerana ianya perlukan usaha masyarakat timah antarabangsa.

Di Seminar Barangan Antarabangsa yang dianjurkan oleh Kerajaan pada bulan Julai tahun ini, negara-negara pengeluar timah termasuk Brazil dan Republik Rakyat China telah berpeluang membincangkan masalah yang dihadapi bersama ini.. Seterusnya, negara-negara daripada Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) serta Brazil dan Republik Rakyat China telah berkesempatan membincangkan sekali. lagi masalah ini di Persidangan Majlis Menteri ATPC ,yang diadakan di Jakarta pada akhir bulan Oktober yang lalu.

Daripada beberapa perbincangan yang telah berlangsung ini, adalah jelas pentingnya pengeluaran timah sedunia perlu diimbangkan dengan permintaan sebagai langkah mengatasi harga yang rendah ini. Ketika ini akibat harga timah yang rendah sudahpun mengurangkan pengeluaran timah di Malaysia, Thailand, Australia dan Bolivia, akan tetapi pengeluaran di Indonesia dan Brazil tidak berubah. Di persidangan Majlis Menteri ATPC yang diadakan di Jakarta pada bulan Oktober, Malaysia telah mendesak negara-negara pengeluar yang lain supaya pengeluaran timah dapat diimbangkan dengan permintaan. Satu



rancangan bertindak bersama sedang disediakan bagi mengurangkan lebihan stok timah di dalam pasaran ke arah memulihkan harga dan pasaran timah ke suatu paras yang normal.

Di samping tu, pihak Kerajaan telah menyediakan kemudahan pinjaman mudah kepada pelombong-pelombong tempatan bagi membantu para pelombong timah tempatan yang berdaya maju pada paras \$14 sekilo. Langkah ini bertujuan supaya negara ini dapat mengekalkan suatu paras keupayaan pengeluaran timah dan berupaya mengambil kesempatan apabila pasaran timah pulih kelak. Selari dengan tindakan jangka pendek ini ialah peningkatan usaha jangka panjang iaitu penyelidikan dan kemajuan ke atas penggunaan timah. ATPC, melalui Institut Penyelidikan Timah Antarabangsa (ITRI), mengadakan rancangan tertentu bagi meluas, mempelbagai, dan mempertingkatkan penggunaan timah. Pada masa yang sama, Kerajaan juga memberi galakan ke atas penubuhan perusahaan hiliran bagi menggalakkan penggunaan timah tempatan dan juga bagi maksud eksport.

**Tuan D. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Malaysia telah membelanjakan banyak wang mengenai Perjanjian Timah Antarabangsa atau, dengan izin, ITA, sebagai anggotanya, adakah Kementerian Yang Berhormat ingin menarik diri daripada menjadi ahli ITA ini supaya dapat menjimatkan wang negara,

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di sebaliknya, kita akan terus menggunakan Institut ini untuk mengeluarkan bahan-bahan hiliran daripada penggunaan timah tadi dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, wang yang kita sediakan untuk mengendalikan Institut ini telahpun bertambah daripada sumbangan hegara kita sendiri.

**PINJAMAN PERUMAHAN DAN KENDERAAN**

**11. Tuan Wong Kie Yik** minta Menteri Kewangan menyatakan berakaha jumlah wang yang dijaminan oleh Kerajaan dalam masa tempoh setahun daripada:

- (i) meningkatkan kadar pinjaman perumahan dan kenderaan daripada 4 peratus kepada 6 peratus untuk kakitangan Kerajaan;
- (ii) mengurangkan elaun-elaun untuk para Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen; dan
- (iii) dikenakan 100 peratus cukai pendapatan daripada mereka yang mempunyai pencen kedua, ketiga dan sebagainya.

**Tuan Lok Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, adalah dianggarkan Kerajaan akan dapat menjimatkan wang berjumlah \$54.3 juta setahun hasil dari langkah-langkah yang diambil seperti berikut:

- (i) sebanyak \$45 juta dengan meningkatkan kadar faedah pinjaman perumahan daripada 4% kepada 5% bagi kakitangan Kumpulan C dan kepada 6% bagi kakitangan Kumpulan A dan B;
- (ii) sebanyak \$3.5 juta dengan meningkatkan pinjaman kenderaan daripada 4% kepada 6%;
- (iii) sebanyak \$3.9 juta dengan mengurangkan elaun-elaun untuk para Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen.
- (iv) sebanyak \$1.9 juta dengan mengenakan cukai pendapatan 100% ke atas pencen kedua dan seterusnya.

**MAS - BAYARAN SEPARUH KEPADA PESARA**

**12. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah peraturan dikenakan kepada pesara-pesara (yang berumur 55 tahun ke atas) kiranya menempah tiket kapalterbang MAS (penerbangan dalam negeri) mereka dikehendaki menempah seminggu lebih awal, barulah dapat bayaran separuh dari harga tiket yang ditempah itu, tidakkah memadai dengan menunjukkan kad pesara bagi pegawai-pegawai Kerajaan.

**Menteri Pengangkutan [Dato Dr. Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, tambang murah yang diberikan ke penumpang-penumpang yang berumur 55 tahun ke atas sama ada mereka itu bersara atau tidak, telah diperkenalkan oleh Sistem Penerbangan Malaysia atau (MAS) sebagai tarabang khas yang bertujuan memberi peluang dan menggalakkan rakyat Malaysia yang berada dalam lingkungan umur tersebut untuk membuat perjalanan bagi menziarahi sanak saudara ataupun membuat lawatan-lawatan ke tempat-tempat dalam negeri.

Tujuan utama skim iru adalah bagi pencapaian Lntegrasi nasional, di samping menggalakkan Industri pelancongan tempatan. Seperti tambang-tambang istimewa yang lain, yang mempunyai diskaun berbanding dengan tambang-tambang biasa adalah perlubagi MAS mengenakan syarat-syarat tertentu supaya rancangan mengenai penerbangan dapat diadakan dengan lebih teratur. Dengan memberi tempoh masa penempahan yang awal penumpang-penumpang berkenaan tidak akan menghadapi masalah mendapat tempat duduk.

Selain daripada itu adalah perlu bagi MAS untuk mengetahui jumlah penempahan-penempahan tambang-tambang istimewa ini dengan lebih awal bagi membolehkan MAS menjual tempat-tempat duduk yang kosong pada orang ramai yang membayar tambang penuh. Ini adalah penting bagi menentukan bahawa MAS dapat menawarkan tambang-tambang yang murah tanpa menjejaskan operasi dari segi faktor-faktor perniagaan. Dalam pada itu MAS sentiasa memberi perhatian untuk menentukan bahawa syarat-syarat yang dikenakan bagi tambang-tambang istimewa tidak menyusahkan orang ramai.

**Puan Basanah binti Mohd. Kassim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan ini untuk penerbangan dalam negeri, tidakkah ada peruntukan ataupun pertimbangan yang hendak keluar negeri pada kakitangan yang bersara atau yang berumur 55 tahun ke atas?

**Dato Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini tidak ada rancangan istimewa untuk membenarkan rakyat jelata yang berumur lebih 55 tahun untuk mendapat tambang yang khas keluar negeri. Walaupun demikian telah diadakan beberapa rancangan di mana sesiapaapun dapat keluar negeri dengan kapalterbang dengan tambang khas seperti dengan izin, Group Travel Fare, APEX Fare dan lain-lain yang semuanya adalah dengan tambang khas.

**LAWATAN PRESIDEN MALTA KE MALAYSIA**

**13. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang dicapai dari lawatan Presiden Malta ke Negara ini baru-baru ini bagi melaksanakan kenyataan bersama yang telah dibuat antara Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Malta di akhir lawatan beliau ke Malaysia dalam bulan November, 1977 yang lalu itu.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis]:**

Tuan Yang di-Pertua saya mohon i.zin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar -Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan PYT Agatha Barbra, Presiden Republik Malta ke Malaysia dari 3hb hingga 7hb November, 1986 bolehlah disifatkan sebagai lawatan ekoran dari lawatan TYT Dom Mintoff, bekas Perdana Menteri Republik Malta ke negara ini dari 8hb hingga 10hb November, 1977 mei andaagkan kerjasama ekonomi di antara kedua buah negara begitu sedikit.

Antara perkara yang dibincangkan untuk dipertimbangkan oleh kedua negara semasa lawatan bekas Perdana Menteri itu ialah untuk menjadikan Malta sebagai pusat pengedaran dan pemasaran barang-barang keluaran Malaysia untuk kawasan Asia Barat, Selatan Eropah dan negara-negara Mediterranean yang lain, Selain dari itu dicadangkan juga untuk Malaysia menggunakan kemudahan perkapalan dan penyimpanan minyak kelapa sawit untuk diedarkan ke kawasan-kawasan yang disebutkan tadi. Juga dibincangkan kerjasama di bidang ekonomi yang lain seperti perdagangan, pelancongan dan pembuatan kapal.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk-tajuk yang sama juga dibincangkan semasa pertemuan di antara PYT Presiden dengan YAB Perdana Menteri semasa lawatannya ke negara ini. Buat masa sekarang, pihak Kerajaan

masih menimbangkan segala cadangan yang ditawarkan oleh Kerajaan Malta tersebut.

#### SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

**14. Tuan Haji Shuib bin Lazim** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (i) apakah usaha-usaha yang sedang dan telah diambil, untuk mengurangkan dan membendung setinggan-setinggan supaya tidak membanjiri, Wilayah Persekutuan.
- (ii) adakah Menteri bercadang hendak mengadakan suatu rancangan khas di kawasan-kawasan tertentu, bagi membina rumah-rumah yang benar-benar murah untuk setinggan-setinggan yang sedia ada di Wilayah Persekutuan, kalau tidak kenapa; dan
- (iii) adakah Menteri bercadang hendak menguatkuasakan undang-undang yang lebih tegas dan hukuman yang lebih berat, kepada setinggan-setinggan yang menceroboh tanah orang-orang yang khasnya tanah-tanah Kerajaan di Wilayah Persekutuan, kalau tidak kenapa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Wilayah Persekutuan.

Jawapan kepada soalan Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- (i) Mengikut anggaran yang dibuat oleh Dewan Bandaraya pada tahun 1985, terdapat sebanyak 24,985 unit rumah setinggan di Kuala Lumpur. Bilangan setinggan mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

Cina	:	75,751 orang
Melayu	:	47,743
India	:	21,622

(ii) Dalam mengatasi masalah setinggan di Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya sedang dan akan mengambil langkah-langkah dalam berbagai bentuk seperti kawalan, pemindahan, pembangunan semula kawasan setinggan dan bekalan kemudahan asas kepada kawasan setinggan. Dari segi pemindahan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memindahkan setinggan dari kawasan-kawasan tertentu ke Rancangan Perumahan Awam seperti rumah pangsa dan rumah panjang. Daripada tahun 1970 sehingga Disember, 1985 seramai 17,401 keluarga setinggan telah dipindahkan ke rumah pangsa dan ke rumah panjang. Di samping itu, setinggan-setinggan yang mampu membeli rumah juga digalakkan berpindah dari kawasan setinggan. Di antara tindakan jangka panjang yang diambil untuk mengurangkan bilangan setinggan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya telah mengenal pasti kawasan setinggan untuk dibangunkan semula. Selain daripada itu lebih kurang 4,000 unit rumah kos rendah telah dibina di bandar baru Wangsa Maju. dari 1984 - 1986 untuk menampung keperluan perumahan setinggan-setinggan dan penduduk berpendapatan rendah.

- (iii) Kementerian Wilayah Persekutuan memang ada rancangan untuk membangunkan kawasan setinggan. Misalnya pada masa ini sebanyak 12 kawasan 'telah dikenal pasti untuk dibangunkan melibakan pembinaan kira-kira 12,333 unit rumah kos murah.
- (iv) kawalan terhadap pertumbuhan setinggan baru di Wilayah Persekutuan telah bermula sejak tahun 1969 dan telah dipertingkatkan dalam tahun 1978 apabila Bahagian Kawalan dan Penempatan Setinggan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah ditubuhkan untuk menguatkuasakan Ordinan Dharurat (Kuasa-kuasa Perlu), Pembersihan Setinggan-setinggan 1969. Dengan tertubuhnya Unit ini satu pasukan Penguatkuasa telah menguatkuasakan undang-undang di atas dengan cara membuat rondaan ke kampung-kampung setinggan terutama dalam usaha mengawal pertumbuhan setinggan di tanah-tanah Kerajaan. Kawalan seperti ini didapati berkesan. Dari tahun 1979 hingga Disember, 1985, sebanyak 7,220 buah rumah yang baru dibina telah dirobohkan. Bagi tahun ini sehingga bulan Jun, 706 buah rumah baru telah dirobohkan.



**Datuk Ishak bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi terdapat bilangan di antara kaum Melayu, Cina dan India sahaja. Saya ingin tahu tidak adakah lain-lain bangsa daripada orang-orang Melayu, Cina dan India yang menjadi setingan di Wilayah Persekutuan ini?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod kita, tidak ada.

#### **BANK DAN SYARIKAT KEWANGAN ' KADAR FAEDAH**

15. **Dato' Dr. K.S. Nijhar** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar terdapat beberapa institusi kewangan yang berlesen menuntut pelanggan mereka sehingga 20% bunga setahun dan sama ada beliau dapat membantu mengurangkan kos meminjam bagi peniaga-peniaga pada masa yang sukar ini.

**Tun Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang terdapat beberapa bank-bank dan syarikat kewangan yang telah mengenakan kadar faedah sebanyak 20% setahun, tetapi ini adalah terhadap kepada pelanggan-pelanggan tertentu sahaja. Kadar faedah ini dikenakan ke atas pelanggan-pelanggan tertentu sahaja dan tidaklah menggambarkan kadar faedah pinjaman yang sebenar. Kadar faedah tinggi yang dilaporkan itu mungkin juga termasuk kadar penalti yang dikenakan oleh institusi-institusi kewangan ke atas pembayaran lewat.

Dalam tahun ini, purata kadar berian pinjaman bagi keseluruhan bank perdagangan adalah 12.5% setahun, sementara bagi syarikat kewangan adalah 14.5%.

Kadar faedah kepada pelanggan bergantung kepada beberapa faktor termasuk kos sumber kewangan, tujuan pinjaman, bentuk projek yang akan dibiayai dan kemampuan kredit peminjam.

Kerajaan memang menggarabil berat terhadap peningkatan kadar faedah. Dalam tahun ini beberapa langkah telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini. Ini termasuklah penurunan keperluan-keperluan berkanun dan mudahtunai bagi bank dan penyediaan sumber kewangan dengan kos rendah di bawah "New Investments Fund" dan kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport. Selain daripada itu, di antara bulan Januari dan Septembet tahun ini, pihak-pihak berkuasa telah menyalurkan \$3.8 billion ke dalam sistem kewangan,

Dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ini, 'pasaran wang antara bank dan kadar faedah simpanan telah turun. Dengan penurunan kos sumber kewangan, kadar faedah Dasar (Base Landing Rate) telah diturunkan di antara 0.5% - 0.75% berkuatkuasa dari 1hb Disember, 1986. Bank Bumiputra dan Malayan Banking Berhad telah menurun Base Landing Rate kepada kadar 9.25% berbanding dengan 9,75% sebelumnya.

**Tuan Yang di—Pertua: Masa untuk pertanyaan sudah cukup.**

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 27 adalah diberi di Lampiran "A"]**

## USUL

**JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat**

**Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis iai memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang adayang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacaubilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

## USUL

**JAWATANKUASA PEMILIH - LANTIKAN AHLI-AHLI**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang membawa satu usul untuk pemilihan keanggotaan Jawatankuasa Pemilih Dewan Negara bagi Parlimen Ke:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh:

1. Yang Berhormat Tuan Hussein bin Ahmad;
2. Yang Berhormat Dato' Mak Hon Kam;
3. Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria;
4. Yang Berhormat Tuan Rajoo a/l Desari

@ Govindasamy.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70 (1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh:

1. Yang Berhormat Tuan Hussein bin Ahmad;
2. Yang Berhormat Dato' Mak Hon Kam;
3. Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria;
4. Yang Berhormat Tuan Rajoo a/l Desari @ Govindasamy.

**USUL**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13 (2), Dewan ini menimbangkan perkara 4 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini sebelum menimbangkan perkara yang ke 3.

**Dato' Megat Junid bin Negat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatandi-setujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13 (2), Dewan ini menimbangkan perkara 4 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini sebelum menimbangkan perkara yang ke 3.

## USUL

## AKTA PERUBATAN 1971

## Penguatkuasaan Bahagian VII

3.40 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu ketetapan di bawah Seksyen 39(3) Akta Perubatan 1971 iaitu:

Bahawa Majlis ini membuat ketetapan bahawa mengikut peruntukan Seksyen Kecil (3) Seksyen 39 Akta Perubatan 1971, Bahagian VII Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 1hb Oktober, 1986.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Akta Perubatan 1971, menguntukkan syarat-syarat pendaftaran dan amalan bagi pengamal-pengamal perubatan. Bahagian VII Akta tersebut yang mengandungi seksyen-seksyen 39 hingga 44 adalah merupakan peruntukan tambahan yang diwujudkan untuk rnaksud kepentingan negara. Bahagian ini memberi kuasa kepada Kerajaan mewajibkan seseorang doktor berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh yang tertentu.

Peruntukan ini yang berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1971 hanyalah bagi tempoh lima tahun selepas daripada tarikh itu. Kuasa ini telah dibaharui sehingga 30hb September, 1984 dan tempoh perkhidmatan wajib itu telah ditambah dari dua tahun kepada tiga tahun. Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan ini hendaklah dilanjutkan selama lima tahun lagi, demi kepentingan pemberian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat jelata kita.

Satu masalah besar yang sentiasa dihadapi oleh Kementerian Kesihatan ialah kekurangan pegawai-pegawai perubatan warganegara yang sanggup terus berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan selepas tamat tempoh latihan "Housemanship" mereka. Sungguhpun Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai perubatan serta memperluaskan lagi peluang-peluang kenaikan pangkat dan latihan bagi mereka, tetapi ramai pegawai-pegawai perubatan masih lagi meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dalam tempoh di mana perkhidmatan mereka sangat diperlukan.

Perkhidmatan wajib pegawai-pegawai perubatan yang diperuntukkan di bawah Akta Perubatan tahun 1971 ialah untuk menghadapi masalah kekurangan pegawai dalam perkhidmatan perubatan kita. Ianya adalah satu-satunya faktor yang membolehkan Kementerian Kesihatan memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang luas, bermutu tinggi, seimbang dan berterusan bagi semua rakyat di negara kita. Pegawai-pegawai perubatan ini bukan sahaja berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan, bahkan jua dengan Kementerian Pertahanan, Fakulti Perubatan di Universiti-universiti tempatan dan badan-badan Kerajaan dan separa Kerajaan yang lain.

Usaha mengembang dan meningkatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, terutama di luar bandar dan di Sabah dan Sarawak akan memerlukan lebih banyak lagi pegawai-pegawai perubatan. Sungguhpun pengeluaran pegawai-pegawai perubatan dari universiti-universiti tempatan dan luar negeri akan bertambah, akan tetapi bilangan pegawai yang diperlukan untuk menampung perkembangan perkhidmatan perubatan dan juga kesihatan di negara ini jua akan bertambah. Oleh itu, Kementerian Kesihatan memerlukan seberapa ramai pegawai perubatan yang mempunyai kelayakan (tiap-tiap tahun untuk berkhidmat dengan Kerajaan.



Masalahnya pada masa ini ialah kita tidak mencukupi bekalan tenaga doktor pada amnya di negara kita bukan sahaja di sektor Kerajaan, Nisbah doktor kepada penduduk pada masa ini ialah 1 doktor untuk 3,167 penduduk, Matlamat kita adalah untuk meningkatkan bekalan doktor sehingga nisbah itu mencapai 1 doktor untuk setiap 2,200 penduduk. Adalah harapan kita bahawa nisbah ini akan terus maju lagi dan seluruh kawasan dan rakyat kita dapat menikmati perkhidmatan doktor dengan mudah dan secara yang dalam kemampuan mereka.

Keluaran doktor dari 3 buah universiti tempatan pada tahun 1986 adalah 300 orang dan lebih kurang 150 doktor lagi yang dilatih di luar negeri dijangka mendaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia setiap tahun. Jumlah bekalan pada sekarang ialah 450 doktor. Jumlah bekalan doktor pada tahun 1990 dijangka sampai ke angka lebih pada 500 setahun.

Jumlah pegawai perubatan yang meletakkan jawatan pada tahun-tahun baru-baru ini ialah lebih kurang 195 setiap tahun. Persaraan berjumlah lebih kurang 20 doktor setiap tahun.

Jadi, kedudukan pengisian jawatan pegawai-pegawai perubatan dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan akan bertambah baik. Tetapi, keperluan Kerajaan untuk tenaga doktor bagi mengisi kekosongan pada masa ini, serta memenuhi keperluan perkhidmatan pada tahun-tahun yang akan datang, akan terus menjadi perkara yang rumit. Mengekalkan pegawai-pegawai perubatan dalam perkhidmatan Kerajaan adalah menjadi masalah di mana-mana negara juga.

Tambah lagi pula, kebanyakan pegawai-pegawai perubatan yang meletakkan jawatan terdiri dari mereka yang baru dan yang beberapa tahun sahaja telah menyempurnakan perkhidmatan wajib mereka. Ini menunjukkan jika perkhidmatan wajib itu tidak dikenakan, maka kemungkinan besar iebih ramai lagi akan meletakkan jawatan pada tiap-tiap tahun dan menjejaskan dasar dan rancangan Kerajaan untuk memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang sempurna.

Berdasarkan asas-asas pertimbangan **ini**, adalah jelas bahawa Kementerian Kesihatan masih menghadapi masalah kekurangan pegawai-pegawai perubatan. Peruntukan bagi Bahagian VII Akta Perubatan 1971, sejak mula berkuatkuasanya, telah membantu Kerajaan mengurangkan masalah kekurangan pegawai perubatan ini, selain daripada memberi latihan yang lebih menyeluruh kepada doktor-doktor muda. Oleh yang demikian, Kerajaan memerlukan peruntukan Bahagian VII Akta Perubatan tahun 1971 itu diteruskan tempoh kuatkuasanya supaya perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang sempurna dan bermutu tinggi dapat dibekalkan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitam Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Tidak ada perbincangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kesihatan disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini membuat ketetapan bahawa mengikut peruntukan Seksyen Kecil (3) Seksyen 39 Akta Perubatan 1971 Bahagian VII, Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai 1 hb Oktober, 1986.

#### USUL

#### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

#### 3.49 ptg.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis, Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh".

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan penghargaan dan terima kasih saya di atas kesempatan yang diberikan untuk saya mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini.

Saya berasa amat terharu dan bangga dengan penghormatan yang diberikan **ini**, kerana dari apa yang saya difahamkan, jarang-jarang benar kaum sejenis saya diberikan penghormatan yang sebegini tinggi di Dewan yang mulia ini. Saya berkeyakinan bahawa penghormatan yang diberikan kepada saya ini membuktikan sekali lagi kesungguhan pucuk pimpinan Kerajaan Kebawah Duli memberikan peluang yang saksama kepada wanita, sesuai dengan amalan demokrasi yang dipertahankan oleh Kerajaan Kebawah Duli.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ringkas tetapi padat **itu**, kita diperingatkan semula tentang tanggungjawab kita bersama dalam menjayakan matlamat utama Kerajaan Kebawah Duli iaitu terus berusaha ke arah melahirkan dan mempertahankan sebuah negara yang teguh dan berharmoni.

Sekian lama kita telah sedikit sebanyak berjaya menuju ke arah cita-cita negara **ini**, walaupun berbagai rintangan dan cabaran kita hadapi dan walaupun kita tidak henti-hentinya menghadapi berbagai ancaman dari pihak-pihak yang sentiasa bergiat untuk meruntuh dan menghancurkan ketahanan kita sebagai sebuah negara yang berdaulat. Tidak sesiapa pun dapat menafikan bahawa kejayaan kita selama ini adalah disebabkan adanya sikap realis dan kesedaran rakyat tentang pentingnya dipertahankan kestabilan politik di negara **ini**.

Syukur alhamdulillah, selama tiga dekad iaitu dari sejak negara kita wujud sebagai sebuah negara yang merdeka sehinggalah ke hari ini, kita telah berjaya mempertahankan kestabilan politik ini. Apa yang lebih membanggakan ialah kestabilan politik yang wujud ini adalah hasil dari pemerintahan Kerajaan Kebawah Duli yang dibentuk oleh Barisan Nasional.

Pilihanraya demi pilihanraya, Parti Barisan Nasional tetap mendapat mandat dari rakyat untuk memerintah di negara ini kerana sudah terbukti sekian lama bahawa pucuk pemimpin Barisan Nasional memahami hasrat rakyat serta melaksanakan dasar-dasar yang betul-betul sesuai untuk memenuhi hasrat rakyat itu. Dengan kejayaan ini kita sekali gus membuktikan kepada dunia bahawa sistem politik yang berasaskan kepada unsur-unsur demokrasi yang kita praktikkan di negara ini adalah sesuai bagi kita walaupun para pengkritik kita berasa waswas dan sangsi disebabkan keanekaan jenis kaum, latar belakang sosio-politik dan agama yang terdapat di kalangan rakyat negara ini.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, amat tepatlah Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa amalan demokrasi berparlimen telah sehati dengan rakyat dan sistem demokrasi ini mestilah senantiasa dipelihara dan dipertahankan supaya kestabilan politik negara terus kukuh dan menjadi asas kepada pembangunan, kemajuan-dan kejayaan kita sebagai sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan bermaruah.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di masa-masa kebelakangan ini saya merasa bimbang kestabilan politik kita semakin kuat tergugat disebabkan oleh faktor-faktor yang kadangkala di luar pengawalan kita. Di antaranya ialah kelembapan pertumbuhan ekonomi yang diakibatkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang merupakan salah satu faktor utama yang nyata membawa akibat secara tidak langsung kepada tergoncangnya kestabilan politik di negara kita ini. Terutamanya apabila perpaduan negara yang menjadi tunggak kestabilan politik ini mula terancam.

Apa yang tambah menyedihkan dan medukacitakan lagi ialah adanya golongan-golongan tertentu yang sengaja mengambil kesempatan "menangguk di air keruh" dengan membangkit-bangkitkan isu-isu sensitif seolah-olah tidak faham atau sengaja tidak mahu memahami kesan dan akibat yang timbul dari perbuatan dan tindakan mereka ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan amat wajar bagi Kebawah Duli bertitah memperingatkan setiap kita yang bertanggungjawab untuk berhati-hati supaya isu-isu yang sensitif tidak dibangkitkan.

Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat jika kita mahu mempertahankan keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang sama-sama kita nikmati selama lebih suku abad ini, tidak kira siapa kita, keturunan kita, yang miskin, mahupun yang kaya. Janganlah dengan kebebasan yang dijamin oleh Perlembagaan untuk kita menyuarakan sesuatu isu, kita gadaikan kestabilan sehingga mengakibatkan hancur dan leburnya kestabilan politik dan akhirnya boleh mengakibatkan kehancuran negara yang dicintai ini.

Apa yang lebih menakutkan ialah tindakan-tindakan kita yang tidak bertanggungjawab ini akan memusnahkan harapan dan masa depan yang cerah bagi anak cucu kita sendiri.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru semua pihak, bukan sahaja dari kalangan pemimpin-pemimpin politik, tetapi sesiapa juga yang berpengaruh di kalangan berbagai komuniti dan agama bagi meninsafkan rakyat tentang perlu dan pentingnya dipertahankan kestabilan politik ini.

Banyak sekali sebabnya mengapa kita perlu berbuat demikian. Antara sebab-sebab yang paling penting, iaitu dengan melihat keadaan semasa ialah keperluan menarik pelaburan-pelaburan yang dapat membantu mengurangkan kelembapan pertumbuhan ekonomi negara ini.

Selama ini nama Malaysia harum dan disanjung tinggi sebagai sebuah negara yang mempunyai iklim pelaburan yang sesuai, menggalakkan dan terjamin disebabkan kewujudan kestabilan politik yang jarang-jarang terdapat di rantau ini. Tanpa kestabilan politik ini, atau tergugatnyanya kestabilan politik ini, memungkinkan aliran pelaburan ke negara ini bertukar haluannya pergi ke negara-negara lain pula.

Ini adalah kerana walau bagaimanapun baik dan banyak negara kita ini dibekalkan oleh Tuhan dengan sumber-sumber kekayaan semulajadi, walau bagaimanapun bergeliga dan bernasnya pemikiran orang-orang kita dan walau bagaimanapun molek dan kemasnya perancangan dan pembangunan negara kita dan usaha promosi yang kita laksanakan, kita tidak dapat tidak, harus menerima hakikat bahawa kestabilan politik adalah, dengan izin, pre-condition bagi mempertingkatkan pelaburan dan juga bagi lain-lain sumber pertumbuhan dan kemajuan ekonomi yang penting seperti pelancongan umpamanya.

Malahan kestabilan politik juga menjadi syarat bagi pembangunan ekonomi dan sosial secara amnya.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu juga menyedari hakikat bahawa dunia kita ini semakin lama semakin menjadt kecil disebabkan oleh penyebaran maklumat dan penerangan yang mendadak dan akibat dari kemajuan yang dicapai dalam bidang komunikasi. Ini bererti manusia semakin lama semakin menyedari atau mengetahui dengan senang akan peluang-peluang juga masalah-masalah yang didapati di negara-negara luar.

Oleh kerana Malaysia mengamalkan sistem ekonomi yang terbuka, maka tidak boleh tidak kita terpaksa bergantung kuat kepada perdagangan dan pelaburan dunia. Setiap rakyat Malaysia mestilah memahami dan menghargai hakikat ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, jika kita tidak mengekalkan sejarah kestabilan politik dan perpaduan negara kita, maka risiko politik yang mesti dipertimbangkan oleh pelabur-pelabur yang berminat untuk melabur di Malaysia mungkin membuat bakal-bakal pelabur ini juga pengimport-pengimport barangan dan perkhidmatan kita dan pelancongan untuk memilih pergi ke negara-negara lain yang bersaing dengan kita dalam bidang-bidang yang sama. Kita jangan lupa negara-negara yang bersaing dengan kita ini terus-menerus berusaha dengan gigih untuk menarik sumber-sumber kekayaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa kestabilan politik "dan perpaduan negara, sesebuah negara itu akan berakhir begitu sahaja. Adakah ini yang kita kehendaki ataupun adakah kita memilih untuk berkongsi kekayaan dan membantu antara satu dengan lain untuk kebaikan negara kita? Jawapan terpulang kepada pertimbangan dan pemilihan kita



sendiri. Kuasa penentu adalah di tangan kita sendiri. Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya demi masa depan generasi-generasi yang akan datang setiap kita yang bertanggungjawab sudah semestinya mahukan pengekaln sejarah kestabilan politik dan perpaduan negara. Oleh itu, sebagai permulaannya cubalah kita sama-sama menghentikan dari berpolitik yang berketerlaluan dan menumpukan usaha, tenaga dan masa kita kepada kegiatan-kegiatan yang membangun dan produktif seperti yang terang-terang dititahkan oleh Kebawah Duli yang menyeru kita supaya mempertingkatkan produktiviti dan mengeratkan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada masalah mengapa dalam masa kebelakangan ini kestabilan politik dan perpaduan negara kita kelihatan terancam dengan begitu ketara sekali. Saya tidak dapat tidak, merasakan ada sesuatu yang tidak kena dari segi proses atau cara kita cuba- mempertahankan kestabilan dan perpaduan negara kita ini.

Satu perkara yang jelas kepada saya ialah seolah-olah wujud satu pola atau lingkaran turun naiknya kestabilan dan perpaduan negara ini. Misalnya apabila kita mencapai kemerdekaan, kestabilan dan perpaduan kita kuat kerana bapa-bapa pengasas kemerdekaan kita benar-benar sepakat dan berusaha mewujudkan perpaduan dengan merangka satu kompromi politik yang telah membawa negara ini keluar dari cengkaman penjajah pada 31hb Ogos, '957.

Kita bekerjasama di antara satu sama lain dan mengamalkan proses integrasi budaya yang merujuk kepada saling penyesuaian unsur-unsur budaya yang beraneka ragam atau yang bertentangan dengan harapan akan wujud ketikanya budaya yang pelbagai ini menjadi satu sistetn budaya yang harmoni. Tetapi berlakunya peristiwa pahit 13 Mei, 1969 memberikan kita kesedaran bahawa cara, dengan izin,

bare co-existence ini tidak mencukupi dan tidak sesuai bagi memupuk keperibadian negara yang kita idam-idamkan. Oleh itu, kita berbalik semula ke meja-meja perancangan dan berbagai-bagal dasar Kerajaan Kebawah Duli dilaksanakan bagi mengatasi masalah perpaduan negara ini. Setelah itu kita mungkin telah berjaya mewujudkan perpaduan yang berasaskan pada, "dengan izin, a relation of contact yang melihat: konflik terbuka antara komuniti-komuniti dalam satu sistem sosial yang kadangkala memaksa pemimpin-pemimpin politik mencari satu jalan penyesuaian dan persefahaman di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, di dalam proses ini setiap komuniti masih mempunyai identiti masing-masing yang tebal dan kelihatannya tidak ada persamaan dari segi kehendak dan matlamat masing-masing.

Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, cara kedua ini kelihatan gagal dan kita raasih berhadapan dengan kebuntuan dalam usaha menyelesaikan masalah integrasi kaum dan perpaduan negara ini. Apa yang berlaku dari pilihanraya yang baru lalu di mana jelas kelihatan wujudnya trend perkauman yang diperhebatkan lagi dengan tindakan dan tanduk orang-orang yang tidak peka atau yang sengaja tidak mahu peka dengan isu-isu perkauman ini. Dengan itu graph bagi usaha untuk memupuk perpaduan negara ini menurun semula dan kita masib jauh dari mencapai kejayaan mewujudkan integrasi berbagai-bagai kaum yang diasaskan kepada hubungan kompromi atau, dengan izin, a relationship of compromise di mana kaum-kaum yang berbagai asal keturunan agama dan budaya ini dapat diintegrasikan ke dalam aliran kebangsaan yang dominan yang dicirikan oleh tradisi masyarakat asal di rantau ini.

Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan sebenarnya adalah bermatlamatkan kepada pencapaian integrasi yang sedemikian ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tertanya-tanya di mana lagi salah silapnya dan di mana lagi kelemahan yang menyebabkan tiga dasar yang lalu dan kita masih perlu dititah oleh Kebawah Duli untuk mengeratkan lagi perpaduan rakyat dan perlunya Kerajaan Kebawah Duli menggunakan segala kuasa dan tenaga untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat. Setelah memikirkan perkara ini dengan sedalam-dalamnya dan tanpa prasangka, saya membuat kesimpulan bahawa asas bagi menyelesaikan masalah ini adalah terletak pada pemahaman asas Dasar Pelajaran Kebangsaan kita dan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan ini mengikut matlamatnya yang sebenar iaitu melahirkan generasi rakyat Malaysia yang berkeperibadian kebangsaan, kuat berusaha, boleh berdikari, boleh berfikir, tidak hidup semata-mata dengan bergantung kepada orang atau pihak lain bertakwa dan berpegang kepada prinsip-prinsip Rukunegara sebagai ideologi hidupnya.

Saya juga tertanya-tanya, adakah kegagalan kita memupuk perpaduan negara ini disebabkan kerana walaupun kita mempunyai Dasar Pelajaran Kebangsaan yang baik dan diterima pada umumnya, tetapi dasar itu sendiri tidak menunjukkan falsafah pendidikan kita yang jelas. Juga mungkinkah kerana kurang jelas atau kaburnya pemahaman kita mengenai falsafah pendidikan kebangsaan kita. maka tidak kelihatan pada kita arah yang dituju bagi mewujudkan keperibadian kebangsaan ini.. Oleh itu, saya merasakan amat penting kita diberi penjelasan yang sejelas-jelasnya tentang falsafah pendidikan kebangsaan ini. Kita mahu diberitahu dengan terang ke manakah anak-anak kita atau generasi muda kita akan kita bawa setelah mereka menempoh proses pendidikan yang dipandukan kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

Dari segi pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita itu sendiri, saya ingin bertanya sudahkah kita dapat mewujudkan dan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa penghantar yang utama sepertimana yang termaktub dalam Penyata Razak 1956 atau sudahkah kita dapat mewujudkan sukatan pelajaran yang sama untuk mengubah corak semua sekolah rendah dan sekolah menengah supaya bercorak Tanah Melayu sepertimana yang disarankan dalam Penyata Abdul Rahman Talib 1960.

Kita semua tahu, faham dan telah menerima kedua-dua Penyata ini sebagai asas kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan kita. Tetapi kita masih belum tahu kejayaan perlaksanaannya, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam perkara **ini**, saya berpendapat walaupun kita menerima dan sedar akan asas Dasar Pelajaran Kebangsaan kita, tetapi dari segi pelaksanaannya masih terdapat kelonggaran dan kelemahan yang mungkin disebabkan kekaburan dan kurang jelasnya tentang falsafah dan arah tujuan dasar itu sendiri. Oleh itu, saya berpendapat amat wajar sekali keputusan yang diatnbil oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang menangguhkan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Menengah ataupun KBSM dan ianya perlu **diteliti** dan dikaji dengan mendalam dan meluas supaya matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan benar-benar dapat dijayakan untuk mewujudkan keperibadian kebangsaan yang tulen dan tersendiri bagi rakyat Kebawah Duli di Malaysia **ini**.

Sambil kita menilai dan mengkaji Kurikulum Baru Sekolah Menengah ini sebelum dilaksanakan, izi.nkan saya menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran beberapa penekanan yang mesti ditentukan dalam penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah ini. Ini ialah kerana walaupun kita telah melaksanakan sistem pelajaran kita selama 3 dekad, namun kita masih belum lagi mencapai kejayaan sepertimana yang dicita-citakan dalam Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1960. Oleh kerana kita belum berjaya, maka kita mestilah mengambil peluang dan usaha dengan lebih serius dan gigih dan mempunyai komitmen sepenuhnya dalam melaksanakan satu Pelajaran Kebangsaan yang akan menentukan pencapaian perpaduan di kalangan rakyat dan negara seluruhnya. Kita juga mesti bersungguh-sungguh dan serius dalam usaha menerapkan prinsip-prinsip Rukunegara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti iaitu keperibadian kebangsaan yang kita cita-citakan itu.

Sehubungan dengan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal dan terkilan kerana bagi mereka yang bermasalah untuk menerima Bahasa Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan terutamanya Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam ertikata yang sebenarnya akan menjadi golongan yang tersingkir, terkeluar atau terasing dari arus evolusi pembinaan keperibadian kebangsaan atau identiti nasional kita yang tulen dan yang bersendiri yang selama ini kita idam-idamkan.

Di antara penekanan yang tngin saya sarankan bagi penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah ialah, yang pertama, penekanan yang lebih bersungguh-sungguh kepada pengajaran sejarah kebangsaan kita dan sejarah rantau kita. Pembelajaran sejarah negara dan bangsa kita mestilah dapat dihayati oleh setiap rakyat supaya tidak timbul lagi kekeliruan tentang apa yang sebenarnya berlaku dalam sejarah yang dilihat dari kacamata anak negeri dan bukan semata-mata dari penulisan dan perspektif ahli.-ahli sejarah luar negeri yang berkeungkinan kurang memahami. dan kurang peka dari. segi perkembangan sejarah tempatan. Penghayatan proses sejarah kebangsaan ini amat perlu supaya tidak timbul lagi kekeliruan seperti yang berlaku baru-baru ini yang hampir-hampir menghidupkan ketegangan yang mahu kita jauhi.

Dalam pembelajaran sejarah **ini**, saya juga berpendapat ada baiknya jika kita dapat menekankan juga pengajaran kewarganegaraan untuk memupuk akhlak dan keperibadian seseorang pelajar atau generasi muda supaya menghayati lagi bangsa dan negaranya. Dalam lain perkataan, perlu kita pupuk semangat cinta kepada negara dan bangsa iaitu cinta yang tidak hanya dilafazkan pada ketika yang dirasakan perlu, seperti semasa melafazkan Ikrar Taat Setia di hari-hari perayaan menyambut Ulangtahun Kemerdekaan, tetapi cinta yang murni dari hati

dan sanubari yang ikhlas dan jujur yang menepati pepatah "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung", cinta yang melahirkan perasaan bahawa "Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri", atau cinta kepada negara seperti yang didendangkan oleh dR. Sam Rasputin dalam nyanyiannya 'Saya Anak Malaysia'.

Tuan Yang di-Pertua, jika tahap kecintaan kepada negara yang sebegini rupa dapat dipupuk dan disemadikan di dalam jiwa anak-anak kita melalui Dasar Pelajaran Kebangsaan kita, maka saya pasti dan yakin kita tidak lagi perlu bimbang akan wujudnya di kalangan rakyat kita, terutama di kalangan generasi muda dan golongan pelajar yang mengambil kesempatan di dalam negeri dan tambah-tambahnya di luar negeri yang mencela, mengkritik, memburuk-burukkan, menghina, menjatuhkan imej dan maruah negara tanpa sekatan dan segan-silu.

Kurikulum Baru Sekolah Menengah juga perlu ditekankan kepada penghayatan Kebudayaan Kebangsaan iaitu bukan penghayatan corak kebangsaan yang cacat murba atau seperti semangkuk salad, tetapi corak Kebudayaan Kebangsaan yang jitu terjalin dari pembentukan satu identiti dan nilai bersama yang berteraskan ideologi Rukunegara.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Kurikulum Baru Sekolah Menengah juga perlu ditekankan kepada pengajaran melatih anak-anak kita berfikir; bagaimana menggunakan otak atau menda yang dikurniakan Tuhan untuk berfikir, menganalisa, membuat keputusan dan reaksi yang sewajarnya mengenai sesuatu perkara dan apa yang lebih penting menekankan dari segi pembinaan dan perkembangan menda yang hidup sihat yang dapat membuat interpretasi dan sinttisis mengenai fakta-fakta yang dipelajari secara formal atau tidak formal, melalui proses pendidikan anak-anak ini.

Kita tidak mahu sistem pendidikan kita menghasilkan robot-robot dan burung-burung kakak tua semata-mata, yang tekun dan kadangkala dipaksa belajar semata-mata untuk lulus peperiksaan, tetapi kita mahu sistem pendidikan yang ditempuhi oleh anak-anak kita melahirkan individu-individu yang berkeperibadian luhur dan dapat menjalankan peranan di dalam masyarakat secara lebih berkesan dan lebih positif. Kita mahu bangga dengan generasi muda yang boleh berfikir.

Tuan Yang di-Pertua, Kurikulum Baru Sekolah Menengah perlu juga raenekankan pembinaan dan pembentukan akhlak yang mulia bagi anak-anak kita. Saya berpendapat amat sesuai nilai-nilai dan ciri-ciri Islam dijadikan asas dalam pelajaran pembentukan akhlak ini kerana nilai-nilai murni dari segi pembentukan akhlak yang baik dalam Islam adalah merupakan nilai-nilai universal yang boleh diterima oleh semua yang mahukan ketinggian moral dan kebaikan akhlak. Tujuan menekankan ciri-ciri dan nilai-nilai keislaman ini bukanlah bermaksud kita mahu mengislamkan yang bukan Islam tetapi ciri-ciri dan nilai-nilai akhlak dalam Islam ini boleh dijadikan sebagai satu gagasan di mana boleh diperolehi berbagai-bagai nilai akhlak yang positif yang boleh diterapkan dalam sistem pelajaran kita. Apa yang kita cita-citakan ialah kelahiran insan-insan yang berakhlak tinggi, bertanggungjawab, dedikasi, halus budi bahasa, tinggi semangat kerjasama dan bertaqwa sesuai dengan prinsip pertama Rukunegara yang menekankan Kepercayaan kepada Tuhan.



Berhubung dengan perkara ini, saya tidak lihat bagaimana ini boleh menerima tentangan dari bukan Islam kerana semasa kita mengamalkan Sistem Pelajaran Penjajah dahulu, terutamanya di sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh kumpulan-kumpulan mubaligh Kristian, kita telah menerima pelajaran mengenali moraliti dan pembentukan akhlak ini yang berasaskan kepada agama Kristian itu sendiri. Kita tidak pernah pula membangkang atau merungut pada ketika itu.

Satu perkara lagi yang saya rasa perlu diambil perhatian yang serius oleh Kementerian Pelajaran dalam melaksanakan kurikulum baru sekolah menengah ini, ialah penekanan terhadap matapelajaran teknikal dan vokasional. Ini amat penting sebagai persediaan bagi memasuki alam pekerjaan kepada hampir 90% dari anak-anak kita yang keluar sekolah selepas tingkatan V dan tingkatan III. Kita kadangkadangkang lupa atau tidak begitu menyedari hakikat bahawa dari 100% anak-anak kita yang bersekolah, kemungkinannya hanya 10% sahaja yang benar-benar bernasib baik berpeluang untuk melanjutkan pelajaran tinggi. Ini tidak menghairankan kerana negara tidak memerlukan semua anak-anak kita menjadi jurutera atau peguara atau pentadbir di peringkat atasan atau menjadi doktor dan lain-lain profesion yang dihasilkan melalui Sistem Pelajaran Tinggi. Malahan yang lebih banyak diperlukan ialah kakitangan-kakitangan yang berkemahiran sederhana dalam bidang-bidang teknikal dan jenis-jenis vokasional yang lain yang bukan sahaja diperlukan oleh Kerajaan Kebawah Duli tetapi bagi pihak-pihak swasta juga.

Dalam memberikan penekanan kepada latihan teknikal dan vokasional ini, perlu disertakan dengan usah-usaha mengubah sikap masyarakat yang tidak memberikan penghargaan dan memandang mulia

kepada kalangan pekerja-pekerja berkolar biru ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah tadi di antara saranan yang ingin saya kemukakan sebagai salah satu usaha yang dapat dipertimbangkan dalam menyelesaikan masalah letaknya perpaduan negara yang menjadi tunggak kestabilan politik dt negara kita ini. Mungkin dengan masalah-masalah dan cabaran yang kita hadapi ketika ini yang menggugat kestabilan negara kita ada perlunya kita menilai balik perancangan-perancangan pembangunan negara kita. Kita perlu mengkajisemula dasar-dasar Kerajaan Kebawah Duli bagi menentukan dasar-dasar manakah yang perlu diteruskan bagi memberi manfaat yang sebaik-baiknya kepada negara dan rakyat. Seperti Titah Kebawah Duli dengan kajian semula ini., pelaksanaan dasar-dasar itu boleh diubah-suaikan bagi mencapai matlamat perpaduan negara.

Kita tidak mahu oleh kerana kelemahan menilai kesan dari pelaksanaan rancangan-rancangan Kerajaan Kebawah Duli, menjadi sebab-musabab wujudnya keadaan resah dan tidak puashati di kalangan rakyat yang boleh mencetuskan ketegangan dan menggugat kestabilan negara **ini**. Contoh yang jelas yang dapat saya kemukakan dalam perkara ini ialah keadaan pengangguran yang semakin meruncing di negara **ini**. Saya difahamkan terdapat lebih kurang 15,800 graduan-graduan yang berdaftar untuk mendapatkan pekerjaan. Ini belum dimasukkan bilangan yang tidak berdaftar. Kemudian setiap tahun 150,000 anak-anak kita lulus peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia, mungkin 80,000 daripadanya dapat meneruskan pelajaran tinggi dan 20,000 lagi berkerja sendiri; sementara 70,000 mencari perkerjaan. Begitu juga setiap tahun 300,000 lulus di dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan lebih kurang 240,000 terus bersekolah menengah atas, sementara 60,000 lagi memasuki golongan yang mencari pekerjaan.

Pada masa-masa yang lampau 10,000 dari pencari-pencari kerja ini, dapat diambil sebagai kaitan kategori C dan D dalam Kerajaan Kebawah Duli, tetapi di masa ini pekerjaan dibekukan kerana kelembapan pertumbuhan ekonomi. Yang menyedihkan ada kalangan yang mengambil kesempatan mengkritik bahaya Kerajaan Kebawah Duli sendiri dengan tindakan membekukan pekerjaan ini telah sama-sama menyumbang kepada bertambah meruncingnya masalah pengangguran ini. Tetapi apa yang mesti disedari dan difahamkan ialah kumpulan pencari kerja yang ramai ini merupakan golongan yang kecewa atau, dengan izin, frustrated, kebanyakannya miskin dan akan merasa seolah-olah ketidakadilan berlaku kepada mereka, tambahan lagi apabila mengetahui adanya golongan-golongan atasan yang tertentu yang kaya-kaya dapat meraih kekayaan dengan cara penipuan, rasuah dan sebagainya. Kumpulan pencari kerja yang beginilah yang masih muda dan merasakan masa depan mereka gelap, yang mungkin menjadi kumpulan-kumpulan yang bakal menjadi ancaman serius kepada kestabilan negara.

Adalah tidak mustahil jika kita perhatikan dengan pertambahan bilangan penganggur, bertambah pula bilangan penagih dadah dan bertambah juga masalah penyalahgunaan dadah, serta penyakit sosial yang lain seperti rasuah, pecah amanah dan sebagainya. Oleh itu, saya berpendapat kita perlu mengkaji semula dan membuat penilaian terhadap perancangan pembangunan kita terutama mengenai rancangan ekonomi, rancangan pelajaran, khususnya perancangan pelajaran tinggi, perancangan menggunakan tenaga manusia, perancangan pertanian dan perancangan-perancangan strategik kita.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita mengalami keadaan kemelesetan sekarang **ini**, kemelesetan ekonomi mahupun kemelesetan dari usaha-

usaha mempertahankan perpaduan dan kestabilan negara, saya ingin menyeru setiap lapisan rakyat supaya terus mempunyai keyakinan terhadap Kerajaan Kebawah Duli dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunannya. "Tradisi Membina Rakyat" yang menjadi cogan kata parti Barisan Nasional dalam pilihanraya yang baru lalu **ini**, bukan hanya sekadar cogan kata yang kosong. Kita dapat membuktikannya dengan track rekod yang ada dan tercatat di dalam sejarah pembangunan negara ini. Masalah-masalah yang kita hadapi bukanlah masalah-masalah yang tidak boleh kita atasi asalkan sahaja kita sanggup bekerjasama dan mengambil sikap yang rasional dan matang.

Sebagai sebuah negara yang berdaulat, kita telah menempuhi krisis yang lebih hebat dan lebih serius di masa lampau dari yang kita alami sekarang **ini**. Kita seharusnya membina kekuatan dan ketahanan negara kita di atas tradisi kejayaan-kejayaan dan prestasi kita selama ini. Seperti satu perpatah timur yang mengatakan, "tidak ada sesuatu yang dapat menghalang burung-burung yang membawa kecelakaan dari terbang melintasi kepala kita, tetapi terpulanglah kepada kita untuk menghalang burung-burung ini dari bersarang di rambut kita". Malaysia telah terkenal dan harum namanya di masa-masa yang sudah. Misalnya kita disegani oleh dunia luar kerana kebolehan dan kejayaan kita menyusun rancangan-rancangan pembangunan yang berjaya. Di samping **itu**, kita telah dan masih lagi menjadi jaguh dalam pengeluaran dan dalam usaha-usaha mengeksport bermacam-macam komoditi.

Cerita-cerita kejayaan ini menunjukkan dan membuktikan potensi kita. Oleh itu kita perlu pula menyesuaikan diri supaya kita juga boleh berjaya dalam menghadapi apa juga cabaran-cabaran baru yang datang menimpa.

Untuk ini kita boleh mengambil contoh dan mendapat inspirasi dari kuasa-kuasa perindustrian seperti Jepun, dan dari negara perindustrian yang baru atau dengan izin, "newly industrializing countries" atau "NIC" seperti Korea. Negara-negara ini telah menunjukkan semangat untuk terus hidup atau dengan izin, "the will to survive" dalam keadaan yang lebih buruk dari negara kita. Dan tanpa apa-apa sumber kekayaan semula jadi yang besar. Tentunya kita patut menyedari bahawa walaupun kedudukan ekonomi kita ketika ini merosot namun ianya tidaklah seburuk keadaan ekonomi di negara-negara yang sentiasa dilanda peperangan dan kacau bilau; atau seburuk keadaan ekonomi yang pernah dialami oleh Jepun dan Korea hanya beberapa dekad yang sudah.

Dasar Padang Ke Timur yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli bukan semata-mata untuk dipamerkan sahaja, dasar ini mempunyai makna dan "relevant" kepada "survival" negara kita jauh dari apa yang dapat dimengertikan dan disedari oleh kebanyakan rakyat.

Seperkara lagi yang penting yang ingin saya nyatakan, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai perlaksanaan projek-projek dan rancangan" rancangan kita. Kita orang-orang Malaysia amat gemar menubuhkan berbagai-bagai agensi, mengadakan dialog-dialog dan menganjurkan seminar-seminar dan sebagainya dengan tujuan mencari jalan untuk menyelesaikan berbagai-bagai masalah. Ini mungkin ada baiknya tetapi kita juga perlu memastikan supaya apabila berakhirnya sesuatu dialog atau seminar atau selesainya penubuhan sesuatu agensi

penyelamat keadaan maka hendaklah juga tindakan susulan yang serta merta diambil bagi menyelesaikan masalah-masalah dasar tadi dengan pelaksanaan yang cepat dan berkesan bagi segala dasar-dasar dan rancangan-rancangan ini.

[timbangan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita perlu orang-orang yang boleh bertindak di peringkat pembangunan sekarang ini. Setiap kakitangan Kerajaan terutamanya pegawai-pegawai perkhidmatan awam mestilah disematkan dengan semangat mahu melakukan sesuatu atau bertindak secara berkesan bagi menyelesaikan masalah-masalah negara seperti kemelesetan ekonomi dan membasmi kemiskinan, Rancangan sahaja tidak memadai, kita perlu ada inovasi dalam cara kita menjalankan tugas seharian kita bagi memastikan setiap surat yang kita tulis, setiap kertas kerja yang kita sediakan disusuli supaya ianya menghasilkan pencapaian objektifnya.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, kecika ini kita hendaklah menumpukan segala tindakan-tindakan kita bagi mengatasi masalah-masalah negara. Dalam hubungan ini kita sepatutnya menggunakan dan menggerakkan sepenuhnya segala pengetahuan dan keilmuan yang terkumpul di komuniti-komuniti akademik kita sendiri untuk membantu menjadikan rancangan-rancangan pembangunan negara kita lebih berkesan terutama sekali dalam bidang pembangunan sosial dan ekonomi.

Di sebaliknya pula para akademik dan para cendekiawan kita perlu pula menggerakkan usaha ke arah yang sama dengan mengambil pendekatan yang lebih praktik dalam tugas-tugas dan penyelidikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh hormat dan takzim, izinkan saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Menyokong? Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Stephen Timorthy Wau Ullok.

**4.34ptg**

**Tuan Stephen Timorthy Wan Ullok:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria di Dewan yang mulia ini tadi yang berbunyi: ,

"Ampun Tuanku,

Patik, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan negara mengucapkan berbanyak—banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh."

Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali ingin saya dengan hormat dan takzimnya mengucap tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional atas kemenangan yang begitu cemerlang di waktu pilihanraya umum baru-baru ini. Ini sudah nyata iaitu rakyat adalah menyokong penuh kepada dasar-dasar Barisan Nasional.

Sungguhpun ada banyak cabaran-cabaran dari pihak pembangkang; Barisan Nasional sudahlah mengatasi segala cabaran-cabaran itu. Sokongan rakyat menunjukkan sikap yang matang di kalangan pengundi-pengundi tanahair kita.

Rakyat tahu dan sedar siapa yang dapat memerintah negara ini. Mereka tahu siapa yang ada kebijaksanaan dan kemahiran untuk menjamin kehidupan rakyat dan ketenteraman negara. Dengan sokongan yang penuh ini iari segala lapisan rakyat di seluruh Malaysia, besarlah harapan kita iaitu pemimpin-pemimpin kita akan raenunaikan tanggungjawab mereka pada masa yang akan datang untuk kepentingan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga berucap sedikit sebanyak berkenaan dengan kenyataan ataupun pandangan-pandangan yang kita tahu sedang disiarkan mahupun dari pihak tertentu mahupun di dalam ataa di luar Parlimen terbabit dengati keahlian Dewan yang mulia **ini**. Kadangkala pandangan-pandangan mereka itu hampir menggambarkan sikap tidak menghormati kedudukan Dewan yang mulia ini ataupun me- ngecil-ngecilkan mutu Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ingin saya menyatakan bahawa Dewan Negara adalah dibentuk di bawah Perlembagaan Malaysia. Tidak dapat dinafikan Dewan yang mulia ini dalam 25 tahun yang lalu sudah ada juga memainkan peranan yang begitu berkesan dan cemerlang di kalangan pembangunan negara ini.

Ramai Ahli-ahli dari tokoh politik negara kita pernah menjadi Ahli Dewan **ini**. Oleh kerana demikian, Dewan yang mulia ini bukanlah semata-mata seperti tempat untuk "rejected politicians" ataupun "political reject", dengan izin, sahaja. Di negara seperti Great Britain atau United Kingdom, Dewan "House of Lords" telah wujud be- ratus-ratus tahun. Ahli-ahli Dewan itu tidak juga diundi terus dari rakyat. Pada pendapat saya ancaman seperti dirujuk oleh saya tadi hanya datang dari pihak pembangkang yang menentang sebarang dasar-



dasar Kerajaan. Kita merayu supaya Kerajaan sentiasa berdiri teguh untuk menahan semangat perpaduan melalui Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya mohon maaf dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria. Masalah di hadapan Majlis sekarang ialah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalim daripada Majlis Dewan mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh."

dan terbuka untuk dibahas, Ada di antara Yang Berhormat hendak berucap, dipersilakan Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.

**4.40 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh hormat takzimnya ingin bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung iaitu saya ingin turut menyokong dan mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh yang lalu. Sokongan ini juga merupakan satu alu-aluan dan tahniah kepada ucapan yang dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria yang banyak menitikberatkan soal-soal pendidikan, perpaduan dan juga kestabilan ekonomi negara serta kestabilan daya ketahanan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ekonomi, sukacita saya menyentuh sedikit mengenai perkembangan-perkembangannya yang lembab dan cara-cara bagaimana mengatasinya seperti yang pernah disarankan oleh para pemimpin kita. Dalam Titah Duli Baginda, Baginda juga menyentuh bahawa mengenai mengatasi masalah ekonomi ini, segala ubahsuaian mengikut keadaan semasa untuk mencapai matlamat perpaduan negara akan diusahakan secara bijaksana. Saya mengharapkan Titah Duli Tuanku ini akan dipraktikkan dengan baik oleh pihak Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita maklum dan faham ketika ini bahawa banyak reaksi yang mendukacitakan, tidak sihat dan merunsingkan timbul daripada beberapa perkembangan kemelesetan ekonomi yang telah kita alami ini.. Satu daripada contohnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana setelah sahaja peristiharan Budget dibuat maka berbagai-bagai reaksi telah timbul di kalangan rakyat jelata, juga di kalangan kakitangan Kerajaan sendiri dan juga orang-orang awam.

Hendaknya Kerajaan memahami- perasaan dan rasa pilu dan sedih mereka kerana kebanyakan mereka yang terlibat ini merasa perit juga atas beberapa potongan-potongan dan atas beberapa kehilangan-kehilangan pendapatan. Hendaknya kita akan menghadapi tindak-balas dari masalah yang timbul dari kemelesetan ekonomi, dari rakyat umum **ini**, dan juga dari kakitangan Kerajaan ini, khasnya dari penganggur-penganggur yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Mazidah sahabat saya tadi, hendaknya dihadapi dengan pengendalian yang matang dan sikap yang berbentuk empathy . Saya tidak sebut sympathy, Tuan Yang di-Pertua, kerana rasanya kita sudah perlu membimbing rakyat, bukan dengan sympathy, tetapi dengan empathy, dalam bahasa counselling, iaitu pembimbingan dan sikap terbuka untuk mendengar rintihan mereka dan mencari jalan keluar yang bijak dan tidak sekali-kali mereka ini dilayan dengan perasaan yang terlalu tegas atau semata-mata mengikut emosi.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya juga menyentuh beberapa perkara di dalam Titah Ucapan Duli Tuanku iaitu mengenai polarisasi kaum. Saya juga ingin menyentuh sedikit perkara ini. Di akhir-akhir ini terdapat petanda-petanda yang membimbangkan kita semua. Ada puak atau kumpulan-kumpulan tertentu terutama parti Pembangkang, khasnya DAP telah banyak mengungkit-ungkit dan mengadu domba serta menimbulkan berbagai-bagai angkara yang boleh meruncingkan lagi keadaan-keadaan **ini**. Sebab itulah tadi Baginda juga bertitah dan menyentuh perkara perpaduan rakyat ini dalam para 3 Titah Ucapan Duli Baginda itu. Dan Duli Baginda, Yang Berhormat Perdana Menteri dan lain-lain pemimpin negara dan masyarakat sedang berusaha keras mencari ikhtiar merapat dan mewujudkan perpaduan kaum di negara ini. kerana ini merupakan satu unsur dan nadi yang sangat penting: Bangsa Tegas Negara Teguh.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya perkara ini seolah-olah belum begitu berkesan lagi kerana kejadian demi kejadian, masalah demi masalah sengaja ditimbul-timbulkan hari demi hari. Dan ini boleh menjejaskan lagi usaha-usaha baik ini dan menjejaskan juga kestabilan negara. Nyatalah segala usaha-usaha ini. nampaknya masih belum begitu konkrit. Di manakah silap dan salahnya? Yang Berhormat Puan Mazidah telah memberikan beberapa saranan bagaimana formula-formula harus dicari, harus diusahakan bagi mengatasi perkara ini yang bernalurikan pendidikan awalan di sekolah-sekolah atau pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

Saya sangat bimbang kalau sesuatu tidak dilakukan, sesuatu yang secara tersusun dan terancang seperti cadangan Yang Berhormat Puan Mazidah tadi, saya bimbang kalau ini tidak dilakukan, generasi majmuk kita di masa akan datang akan menghadapi masalah perkauman yang lebih berat dan-lebih hebat. Akan "hancuklah" negara kita ini, kalau pelat dari orang Kedah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, pendidikan peringkat awalan kepada generasi baru kita supaya benar-benar menghayati identiti nasional perlu dilaksanakan sepenuhnya dan dipertingkatkan usaha-usahanya dengan bersungguh-sungguh atau serius. Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan perlulah mengkaji dan melaksanakan tugas besar dan penting ini. Program-program pendidikan persekolahan di negara kita yang terlalu mementingkan pencapaian akademik atau kelulusan belajar siang dan malam kerana hendak kelulusan mahu 6 A, mahu 7 A yang seolah-olah dengan secara tidak langsung telah meninggalkan norma ataupun nilai-nilai moral dan kenegaraan yang berkesan kepada generasi itu sendiri.

Kita juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran, yang lama dan yang baru, kerana telah banyak menjalankan usaha-usaha ke arah integrasi nasional ini yang mula juga menampakkan kesan. Cuma apa yang kita rasakan perjalanannya masih slow dan masih perlu dipcepat sedikit supaya segera sampai ke matlamatnya kerana nampaknya titik-titik hitam mula timbul menghalang kepada pelaksanaan dasar ini.

Satu contoh yang terbaru ialah mengenai istilah bahasa ibunda. Kita mempunyai bahasa ibunda yang berbonda-bonda. Ertinya, ada banyak bonda. Dari kalangan orang Cina merasakan, bahasa Cina itu bahasa ibunda, Dari kalangan orang India merasakan, bahasa Tamil itu bahasa ibunda. Mungkin dari kalangan-kalangan yang lain-lain pula merasakan bahasa dia itulah bahasa ibunda. Sedangkan kalau mengikut faktor sejarah, bahasa yang menjadi Bahasa Kebangsaan itulah sebenarnya mesti diakui sebagai bahasa ibunda. Negara kita mempunyai bahasa ibundanya yang telahpun diiktiraf, diakui rakyat sebagai bahasa penyatuan, perpaduan iaitu Bahasa Malaysia.

Tadi Yang Berhormat timbalan Menteri Pelajaran telah menyebut bahawa diterima satu syor di Dewan ini bahasa ibundan itu dianggap sebagai Bahasa Malaysia tetapi dihujungi bahasanya iaitu bahasa ibunda negara. Maka sudah ada delima di situ, bahasa ibunda negara, bahasa ibunda.

Ini akan menimbulkan banyak lagi kekeliruan dan menimbulkan lagi satu konflik dari segi kita hendak menyatupadukan generasi akan datang, walaupun mungkin kita tidak begitu berjaya bagi generasi yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga merupakan satu contoh unsur-unsur negatif kepada perpaduan kaum, ianya menimbulkan polamik yang boleh menjejaskan perpaduan utuh di negara kita ini. Kenapa kita tidak meninjau bagaimana jiran kita berjaya menyatupadukan rakyatnya dengan satu bahasa ibundanya, iaitu bahasa Indonesia. Negara Indonesia, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi di ceruk-rantau mana sekalipun, walau ia dari keturunan apa sekalipun, mereka tetap mengatakan ianya bangsa Indonesia dan menggunakan bahasa Indonesia. Setiap orang boleh bertutur dengan bahasa Indonesia dengan fasihnya, seolah-olah itulah bahasa yang lahir dari dirinya, walaupun mereka mempunyai keturunan yang berbilang-bilang kaum seperti kita juga. Barangkali kita perlu mempelajari banyak unsur-unsur bagaimana mereka berjaya menyatukan rakyatnya melalui satu bahasa atau melalui satu hubungan sehalu yang menimbulkan kesedaran nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan pihak Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran dan lain-lain Kementerian yang berkenaan akan bersikap tegas melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan dengan meng-arabikira secara serius mengeneipkan unsur-unsur negatif yang ada dalam pelaksanaan atau menghalang pelaksanaan dasar itu supaya peng-wujudan warganegara yang cerdik, yang mahir, yang taatsetia kepada Raja dan Negara, mempunyai akhlak dan budi-pekerti yang tinggi, yang sihat, cergas dari segi jasmani dan rohani tidak terhalang dan dapat diwujudkan.

Sukacita disarankan bagi menyegerakan pencapaian cita-cita kebangsaan ini program-program pendidikan persekolahan kita sekarang, yang sekarang ini kita faham, maksud saya program-program pendidikan persekolahan kita sekarang ini yang memberi orientasi pelbagai ragam pendekatan, pelbagai cara diselaraskan segera. Suatu pemtulation kepada keadaan yang beraneka corak **ini**, Tuan Yang di-Pertua, perlu diwujudkan dengan menggunakan, dengan izin, **inter-vention** yang tersusun dan terancang supaya warganegara kita ini memperoleh orientasi yang sama, pandangan yang sama dan nilai yang sama terhadap negara dan bangsanya. Maka kalau ini dapat kita laksanakan, tentulah tidak lagi timbul rasa curiga-mencurigai bahasa ibunda yang itu, bahasa ibunda ini atau menuntut hak-hak yang sebenarnya tidak ada dalam Akta kita dan Perlembagaan kita yang tidak perlu diungkit-ungkit lagi kerana sudah dipersetujui pada masa kita hendak mencapai kemerdekaan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh ehwal perekonomian negara, saya bawa sedikit perhatian kepada pengumuman Kerajaan melalui surat pekeliling yang dikeluarkan mengenai pinjaman perumahan baru.

Tuan Yang di-Pertua, sepintas lalu syarat baru pinjaman perumahan yang diwartakan oleh Kerajaan itu adalah merupakan langkah-langkah yang mengecewakan dan mungkin juga menimbulkan rasa hampa atau rasa tidak senang kepada pihak-pihak tertentu, tetapi kalau diteliti dengan mendalam nyatalah langkah itu membantu mengurangkan beban kakitangan Kerajaan itu sendiri terutama mereka yang di dalam Kurapulan 'D' atau 'A' dan 'B'. Syarat pinjaman Kumpulan 'D' naksud saya, saya bawa Kumpulan 'D' dahulu di mana suarat pinjamannya telahpun diberikan kepada yang berumur 25 tahun, ini meraberi peluang kepada mereka membayar pinjaman perumahan dengan jangka yang lebih panjang sesuai dengan pendapatan mereka. Ini juga membolehkan lebih

ramai lagi kumpulan ini memiliki rumah sendiri selaras dengan cita-rasa Kerajaan dan rakyat melalui skim rumah harga murah dan ini juga merupakan pendorong utama kepada pemaju-pemaju perumahan kos rendah untuk membina rumah-rumah berkaitan kerana ada pasarannya. Tidak dinafikan pemaju-pemaju rumah juga mengeluh dan kadang-kadang menongkat dagu kerana modal sudah dikeluarkan, rumahnya sudah siap berderet-deretan, tetapi tidak ada yang ingin membelinya, bukan mereka tidak ingin, tetapi kerana beberapa masalah perekonomian dan mungkin juga kerana masalah-masalah kos harga rendah itu sendiri. yang kadang-kadang bunyinya rendah, tetapi sebenarnya tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Kumpulan 'C' ke atas pula langkah ini agak baik untuk membimbing mereka bersikap sederhana dan berjimat-cermat sesuai dengan seruan Kerajaan sendiri. Oleh kerana negara sedang menghadapi perkembangan ekonorai yang lembab ini maka rasanya surat pekeliling mengenai pinjaman ini dapat membantu Kerajaan me"ringankan beban dari segi pengaliran kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengulas panjang perkara ini kerana termaklum sudah disiarkan oleh akhbar-akhbar daripada 2-3 hari yang lalu, disiarkan di TV disiarkan di. mass media di negara kita sama ada media cetak atau media elektrik, diharap pihak berkenaan faham, Hanya saya Ingin menyarankan walaupun bunyinya perkara itu dan kalau kita banding sepintas lalu pahit, tetapi rasanya akan dapat menjadi penawar kepada spekulasi dan masalah membeli rumah mewah dn rumah murah di kalangan anggota-anggota Kerajaan di samping dapat mengurangkan pengaliran wang Kerajaan yang tidak stabil pulangnya.



Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah dadah, saya juga ingin menyentuh perkara berkenaan. Kita memang dengar, memang faham bahawa Kerajaan kita, pemimpin kita, persatuan-persatuan yang berminat untuk menstabil negara supaya tidak jahanam nanti kerana masalah dadah yang berlarutan telah membuat berbagai-bagai isytihar, telah membuat berbagai-bagai usaba, tetapi nampaknya perkara ini sehebat mana kita menentang, sehebat itu juga ia mendatang. Baru-baru ini dadah yang bernama 'Crack' telah dapat diseludupkan dan dimasukkan ke-negara kita ini melalui pintu belakang dan melalui cara-cara yang hanya dapat difikirkan oleh penyedudup-penyeludup terkenal sahaja, dadah ini 10 kali ganda hebatnya, 10 kali ganda merbahayanya daripada heroin dan morphin.

Kita mengharapkan pihak-pihak keselamatan kita, Kementerian Dalam Negeri kita, walaupun telah ada usaha dibuatkan, dikeraskan lagi, diusahakan lagi, ditingkatkan lagi supaya yang 'crack' ini tidak akan mengerackkan negara kita dan tidak akan menjahanamkan generasi muda kita.

Selain daripada itu saya juga mengalu-alukan pindaan Akta Dadah Berbahaya mengenai hukuman sebat seperti yang pernah disebut oleh Menteri Dalam Negeri. Rasanya hukuman ini amat sesuai sekurang-kurangnya mereka yang menagih sengaja-ngaja menagih akan merasa gentar apabila ditangkap kerana bukan lagi mereka hanya dipenjara sahaja, tetapi mereka akan juga dikenakan hukuman sebat. Apabila kita tinjau daripada mereka yang telah ditangkap dan dihukum ini mereka mengatakan: Saya kalau dipenjara 10 tahun pun saya tidak hairan, tetapi kena sebat satu kali saya ingat sampai 100 tahun. Jadi ini pendapat dari mereka itu sendiri dari tinjauan yang kita buat. Maka wajarlah Kerajaan meminda Akta itu dan mudah-mudahan ini akan meninggalkan kesan yang baik.

Selain daripada itu mungkin juga kita tidak pernah memikirkan bahawa sniffing glue ataupun menghidu gam adalah merupakan satu jenis dadah lagi yang merbahaya, yang kini sudah mula menular di sekolah-sekolah bukan sahaja dalam bandar, tetapi juga di luar bandar. Sniffing glue ataupun menghidu gam ini sukar dikesan dan sukar juga hendak diberi perhatian, tetapi merbahayanya, Tuan Yang di-Pertua, adalah sama seperti menghisap ganja ataupun menghisap heroin, ianya memberikan kesan kepada anggota naluri yang menghidunya, kenapa tidak Kementerian Dalam Negeri mencadangkan supaya Akta mengenai kawalan dadah ini dipinda dan dimasukkan perkara menghidu gam ini sebagai satu lagi jenis kesalahan dari segi Akta Dadah Berbahaya, kerana kalau kita tidak kawal dari awal, kita bimbang perkara ini merebak dan kalau sudah terantuk baru hendak mengadahi maka tidak baik akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khasnya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, mengenai ikhtiar-ikhtiar yang telah dibuat melalui 'YADIM<sup>1</sup>', di mana satu unit hal ehwal wanita telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh seorang wanita juga.

Harapan saya janganlah hanya ditubuhkan dengan menggunakan seorang pengerusi wanita sahaja iaitu sahaja itu Yang Berhormat Puan Shariffah Dorah tetapi hendaklah juga dilengkapi badan ini, atau unit ini. dengan kakitangan dari wanita yang mahir dan pakar dalam bidang hal ehwal wanita di negara kita ini sama ada dengan cara berjawatankuasa atau cara berlembaga .atau cara bekerja sepenuh masa. Tentulah unit ini tidak akan dapat bergerak dengan unitnya kalau tidak dilengkapi ataupun tidak diberikan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya. Dan kalau ini dapat dibuat nyatalah bahawa unit itu akan dapat berfungsi dengan baiknya menjalankan tanggungjawab besarnya kepada kebangkitan dan pembangunan muslimah yang membawa kepada perpaduan ummah. Kerana kita juga tahu kalau hendak melihat sesuatu negara itu baik hargailah wanitanya. Baik wanita, baiklah negaranya; kalau tidak baik wanita tidak baiklah negaranya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai penentangan kepada kefahaman zionis. Sesungguhnya kita juga merasa sangat tidak senang, saya juga merasa amat pilu dan merasa tidak gembira ataupun merasa terlalu tersinggong dengan apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Singapura dalam menjemput Presiden Israel itu. Dan kita lihat betapa rakyat kita, Kerajaan kita juga telah menyatakan suara-suara bantahan secara berperlembagaan yang telah dibuatnya. Tetapi apa yang kita dukacita dan saya sendiri turut dukacita ialah tindak tanduk lanjutan daripada penentangan fahaman zionis ini yang kini nampaknya seolah-olah membawa sesuatu beban pula kepada negara kita dan nyata kalau diteliti apa yang

sedang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dengan menggunakan penentangan kepada fahaman Zionis atau lawatan daripada Presiden Israel ini seolah-olah seperti ada udang di sebalik batu. Seolah-olah macam kata pepatah: "lain ditembak, lain yang kena" dan "lain bengkok, lain yang menanah". Tentulah kita tidak mahu bertindak tidak matang iaitu 'marahkan pijat, maka kelambu pula kita hendak bakar". Saya menyerukan supaya mereka lebih matang lagi untuk melahirkan atau menyuarakan pendapat atau penentangannya supaya tidak sampai menjejaskan ekonomi negara kita dari segi pelaburan asing. Apa yang kita faham kejadian demi kejadian yang agak keterlaluan ini telah menyebabkan ramai pelabur-pelabur asing memindahkan wangnya keluar negeri dan tidak berani hendak meneruskan pelaburannya di negara kita kerana mereka bimbang kalau-kalau gejala ekstrimis-ekstrimis ini akan menjejaskan pelaburan dan juga perdagangannya.

Tuan Yang di-Pertua, segala-gala yang kita buat berpandukan kepada kesederhanaan dan kematangan, insya Allah membawa kepada faedah yang baik. Kalau keterlaluan dan emosi dan semata-mata mempunyai tujuan-tujuan tertentu ada udang di sebalik batu, maka kita rasa ianya akan merugikan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merafakkan sembah menjunjung kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian, teriraa kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Rajoo, silakan.  
5.05 ptg.

**Tuan S. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke atas Titah Ucapan Baginda di. Parlimen semasa merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Ketujuh baru-baru ini.

Titah Ucapan Baginda telah menyentuh segala aspek yang menjadi asas kehidupan rakyat di negara ini. Di samping menyentuh polisi daa program negara keseluruhannya Titah Ucapan Baginda telah mencekupi segala bidang termasuk polirik, ekonomi, sosial dan juga aspek-aspek perpaduan kaum, polartsasi, dasar-dasar Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya dengan nasihat yang bernas. Dalam semua aspek yang disentuh oleh Baginda, Baginda telah menekankan kepentingan rakyat dari segi pembangunan sosial dan ekonomi negara. Ini jelas mencerminkan sistem demokrasi berparlimen, beraja kita harus dikekalkan selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, pilihanraya umum baru-baru ini telah membuktikan bahawa sistem demokrasi berparlimen di Malaysia dapat berjalan dengan licin dan diakui terima oleh segala lapisan rakyat. Sokongan rakyat dengan tidak kira keturunan terhadap Kerajaan Barisan Nasional telah membuktikan bahawa sistetn yang telah diwujudkan itu dapat memperkokohkan kemerdekaan dan kedaulatan institusi Parlimen kita. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional yang mencapai kejayaan yang cemerlang semasa pilihanraya umum baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, institusi kita selain dari' Parlimen juga mengandungi sistem Kehakiman, sistem Pentadbiran Awam dan lain-lain pertubuhan dan agensi yang membantu rakyat jelata dalam mentadbirkan dengan secara teratur dan licin. Sistem yang ada sekarang selama ini telah berjalan dengan begitu jayanya sehingga negara-negara yang membangun ingin mencontohi sistem pentadbiran negara kita ini. Akan tetapi saya juga ingin menyentuh beberapa perkara dalam aspek

pentadbiran negara agar dapat kita semua memperbaiki keadaan derai kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi yang lembab dan semakin buruk. Langkah-langkah Kerajaan ini hendaklah disokong oleh rakyat dan rakyat mestilah berdikari dan bekerja keras untuk menambahkan produktiviti. Rakyat haruslah membantu usaha Kerajaan memulihkan ekonomi negara dengan mengorbankan sedikit sebanyak kemudahan dan kemewahan yang dinikmati selama ini. Beberapa delegasi juga telah dihantar keluar negeri untuk menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara ini dan beberapa konsesistelah diberikan kepada sektor korporat untuk menggalakkan mereka melabur di sini. Akan tetapi kita tidak seharusnya menggadai maruah dan berlutut apabila fitnah dan cacat cela terhadap kita sentiasa terpampang di muka akhbar berkepentingan yang dianggap berpengaruh di luar negeri.

Motif-motif akhbar-akhbar ini yang berpengaruh Yahudi dan zionism adalah untuk menghancurkan negara-negara di rantau ini.

Apa yang menyedihkan adalah ada pihak yang tertentu secara langsung dan tidak langsung melalui tindakan dan ucapan mereka, turut membantu pihak Yahudi dan zionism untuk mencapai matlamat mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini, saya ingin menyentuh sedikit, keatas Titah Ucapan.Baginda di mana Baginda menyeru Kerajaan akan terus memperjuangkan dasar luar negeri yang cergas untuk menjamin ketenteraman, keselamatan, kedaulatan dan pembangunan ekonomi negara.

Dasar luar negara yang sederhana dengan izin, liberal, kita dianggap oleh negara jiran kita sebagai lemah. Itulah sebabnya Singapura mengundang Presiden Israel untuk melawat negaranya tanpa menghirau atau peka kepada protes negara kita ini. Mereka, dengan iain, take us for granted, dan menggagat ketenteraman dan kestabilan keamanan di rantau int.

Presiden Yahudi Israel itu mesti mempunyai niat yang buruk melawat negara itu. Apakah sebabnya seorang Presiden Israel harus melakukan lawatan pertamanya ke luar negeri ke rantau ini. Mereka mempunyai hubungan diplomatik dengan Singapura dan saya khuatir hubungan diplomatik yang official, dengan izin, ini akan dijadikan oleh perisik mereka menghancurkan keamanan dan kestabilan negara ini

Oleh yang demikian Kerajaan kita haruslah mengkaji semula hubungan diplomatik kita dengan Singapura agar terjamin keselamatan negara kita. Pelawat-pelawat dari Singapura hendaklah diperiksa latarbelakang mereka sebelum mereka dibenarkan masuk ke negara ini dengan mengadakan sekatan Visa, walaupun perubahan ini akan mengancam pendapatan pertukaran asing dari negara itu.

Tindakan Kerajaan ini, walaupun tidak akan menjejaskan ekonomi Singapura, nescaya akan menjadi sebagai suatu tanda protes yang simbolik. Singapura selaku jiran kita yang terhampir di ASEAN seharusnya mengambilkira perasaan dan sensitiviti negara kita semasa mengundang tetamu-tetamu mereka. Kita tidak mahu melihat seorang pembunuh yang membunuh beribu-ribu rakyat yang tidak berdosa di Chattila dan Shabrilla, di undang ke rumah jiran kita dan memeriahkannya. Saya tidak boleh menerima alasan Singapura bahawa kita tidak protes semasa lawatan ketua negara Teluk ke Israel dan sebaliknya. Lawatan ketua-ketua negara itu adalah untuk mencari kedamaian di rantau itu dan bukannya lawatan seperti yang dilakukan ke Singapura baru-baru ini.

Saya akan terima hakikat itu jika rantau ini penuh dengan peperangan dan tujuan lawatan Presiden Yahudi itu adalah untuk mencari kedamaian. Sayangnya rantau ini digelar sebagai rantau aman dan lawatan Presiden Israel itu akan mengerohkan keadaan dan kestabilan rantau ini. Singapura hendaklah dipegang bertanggungjawab jika terdapat kekacauan di rantau ini akibat lawatan Presiden Israel itu.



Dalam aspek ini saya mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada negara Filipina yang membatalkan lawatan Presiden Israel akibat protes dari salah satu kumpulan di negara itu. Itulah cara yang baik bagi menjamin dan mengekalkan keamanan sebuah negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, ' dalam kesibukan kita memprotes lawatan Presiden Israel ke Singapura, kita harus tidak melupa hakikat ada anasir-anasir yang tertentu mengambil kesempatan cuba memecahbelahkan perpaduan rakyat, akibat sentimen-sentimen yang dikeluarkan oleh ahli-ahli politik kita. Oleh yang demikian ahli-ahli politik di negara ini, mahupun dari parti memerintah ataupun parti Pembangkang hendaklah berwaspada dalam ucapan dan tindakan mereka agar tidak menyentuh emosi dan isu perpaduan kaum.

Ucapan Ahli Parlimen Kok Lanas di Singapura dan usul sebuah parti komponen Barisan Nasional berkaitan dengan isu pribumi sepatutnya tidak harus ditimbulkan dan dibesar-besarkan. Malangnya isu-isu ini telah menjadi suatu masalah besar yang mungkin akan menjejaskan perpaduan kaum di negara ini. Mujurnya dengan kematangan politik pemimpin-pemimpin kita, keadaan dapat dikawal dan suatu kontroversi politik dapat dielakkan demi kepentingan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan akan menggubal suatu dasar untuk melarang parti-parti politik membincangkan perkara-perkara sensitif perkauman secara terbuka melalui media massa. Usaha hendaklah dibuat oleh Kerajaan supaya menyatupadukan rakyat dan mengikiskan semangat polarisasi kaum yang berleluasa sekarang.

Tempat yang paling sesuai untuk menanam semangat kebangsaan adalah dibangku sekolah. Oleh yang demikian sekolah hendaklah memainkan peranan sewajarnya dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatupadu dan berMalaysian, dengan izin. Apabila Kerajaan melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Menengah, sistem pelajaran hendaklah memberi tumpuan yang hebat ke atas aspek perpaduan kaum dengan memberi jaminan bahawa bahasa-bahasa asal sesuatu keturunan di negara ini akan terus dibenarkan kegunaannya. Pelajaran yang diberi di institusi-institusi pengajian tinggi hendaklah ke arah perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, ramai pelajar keluar negeri mencari ilmu dan mendapat kelayakan profesional kerana institusi-institusi pengajian tinggi yang ada di negara ini sekarang tidak mampu mengambil mereka belajar di institusinya. Akibat tindakan ini berjuta-juta ringgit dibawa keluar dari negara ini yang merugikan negara. Untuk menjimatkan peralihan wang keluar negeri, saya bercadang semua institusi pengajian tinggi di negara ini memperluaskan pengambilan pelajar ke tahap yang optima, agar lebih ramai lagi pelajar diberi peluang mendapat kelayakan profesional di negara ini. Sebagai suatu langkah alternatif, semua institusi pengajian tinggi di negara ini hendaklah memperluaskan projek kursus karapus luar, dengan izin, off campus course, kepada sesiapa yang ingin mendapat kelayakan tinggi. Pada masa ini hanya Universiti Sains Malaysia sahaja yang memberi khidmat seperti ini. Pengambilan pelajar bagi kursus ini adalah terhad dan terlalu sedikit dibanding dengan pelajar-pelajar yang memohon. Jika lebih ramai pelajar diberi peluang mengikuti kursus luar kampus di setiap institusi pengajian tinggi di negara ini, maka Kerajaan dapat mengawal pengaliran wang keluar ke negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek pelajaran, saya juga ingin menyentuh nasib segolongan guru-guru yang malang yang telah membent khidmat yang cemerlang lebih 20 tahun di sekolah-sekolah Tamil di negara ini. Mereka adalah guru sandaran tanpa latihan yang mempunyai kelayakan Darjah Tujuh.

Mereka telah berkhidmat lebih dari 20 tahun secara guru sementara dari setahun ke setahun. Mereka tidak dapat diserapkan kedalam jawatan tetap kerana mereka tidak boleh memberi latihan asas sebabnya kelayakan mereka tidaklah sama dengan Sijil Pelajaran Malaysia.

Setiap penghujung tahun mereka diberi notis berhenti kerja dan diambil semula berkhidmat selaku guru sementara pada awal tahun. Pada akhir tahun nanti mereka dicampakkan, Kerajaan telah rnenggunakan service, dengan izin, mereka selama.20 tahun. Apabila Kerajaan sangat-sangat memerlukan tenaga guru kini Kerajaan mencampakkan mereka. Perkara ini tidaklah begitu adil.

Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan menyerapkan semua guru ini ke dalam jawatan tetap dengan memberikan latihan asas perguruan kepada mereka. Kerajaan bolehlah memberi satu konsesi dan memberi peluang kepada mereka mengikuti kursus perguruan memandangkan jumlah yang terlibat ini adalah terlalu kecil iaitu hanya 54 orang guru di seluruh negara. Kebanyakan mereka adalah terdapat di negeri Perak.

Kerajaan pernah memberi beberapa konsesi kepada pelbagai golongan dalam perkhidmatan Kerajaan dan saya yakin konsesi yang diberi ini akan meninggikan mutu pengajaran guru-guru ini serta memberi, dengan izin, a sense of security, kepada guru-guru ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya menyentuh ialah berkaitan dengan peranan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dan Lembaga Penapisan Filem di Kementerian Penerangan Malaysia.

Program-program yang ditayangkan dalam RTM atau TV3 tidak langsung menyumbangkan ke arah perpaduan rakyat malah menghasut belia dan beliawanis kita menjadi lebih liberal dan permisif. Kebanyakan program televisyen sekarang bercorak hiburan semata-mata tanpa sebarang unsur pendidikan. Nilai moral dan unsur kekitaan tidak langsung dicerminkan dalam program RTM atau TV3. Saya khuatir jika keadaan ini dibiarkan berterusan akhlak rohani dan jiwa rakyat negara kita akan runtuh. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan menyiarkan sekurang-kurangnya 60% program bercorak pendidikan dalam RTM dan TV3.

Tuan Yang diPertua, dalam aspek keruntuhan moral, saya ingin menyentuh sedikit apa yang berlaku dalam pawagam-pawagam kita di seluruh negara sekarang. Gambar-gambar lucah secara terus terang ditayangkan dalam pawagam untuk menarik penonton yang kini berkuangan akibat, dengan izin, influence video,

Apa yang menyedihkan ialah penonton yang pergi menyaksikan adalah murid-murid sekolah dan pemuda-pemudi belasan tahun. Gambar-gambar yang ditayangkan itu tidak dilabelkan sebagai "Filem X" atau "Tontonan -Dewasa Sahaja", dengan izin, "Adults Only". Oleh yang demikian, ramai penonton adalah dari golongan belasan tahun dan murid sekolah.

Saya sungguh hairan bagaimana gambar-gambar seperti ini mendapat kelulusan tayangan dari Lembaga Penapisan Filem. Gambar-gambar yang ditayangkan ini pasti akan menyumbang ke arah kejatuhan nilai moral di kalangan pemuda-pemudi kita. Ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem hendaklah lebih berwaspada menyunting filem-filem begini serta unit penguatkuasa hendaklah lebih tegas dalam serbuan mereka ke atas pegawai yang menayangkan filem-filem bercorak begini. Kerajaan harus menjaga maruah dan nilai moral yang tinggi di kalangan rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjaga nilai moral yang tinggi serta menjaga negara, saya ingin menyentuh satu peristiwa yang menjejaskan nama baik negara serta semangat kesukanan negara ini. Memberi dan menerima rasuah telah menjadi perkara biasa kepada pemain-pemain kita di arena sukan antarabangsa dewasa ini. Ini mungkin menjadi salah satu sebab kenapa prestasi sukan negara ini begitu rendah semasa sukan antarabangsa atau serantau seperti Sukan Asia Sukan SEA dan sebagainya.

Kerajaan telah membelanjakan beribu-ribu ringgit untuk menghantar mereka mewakili negara kita agar mengharumkan nama baik negara ini. Tetapi sebaliknya wakil-wakil harapan negara ini menerima rasuah dan menjatuhkan imej negara, Mereka sanggup mengkhianati negara.

Baru-baru ini semasa Sukan Asia di Seoul, seorang pemain iaitu Penolong Ketua Pasukan Bolasepak dituduh menerima rasuah supaya kalah dalam sesuatu pertandingan. Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) telah mengadakan suatu enquiry dan mendapati pemain itu bersalah atas menghasut pemain-pemain lain dengan memberi rasuah.

Perbuatan ini adalah suatu perkara yang paling keji dan patut diambil tindakan setimpal dengan perbuatan jijik itu. Tindakan yang dikenakan sekarang iaitu melarang dia bermain bolasepak anjuran FAM itu, tidaklah mencukupi. Jika enquiry FAM itu berpendapat beliau bersalah atas tuduhan rasuah, kenapakah perkara ini tidak dilaporkan kepada pihak Polis atau Biro Penyiasatan Rasuah (BPR) untuk tindakan undang-undang jenayah seterusnya?

Saya yakin dan berharap, Kementerian berkenaan akan mengambil tindakan melaporkan perkara ini kepada pihak berkuasa supaya tindakan undang-undang jenayah diambil terhadapnya. Tindakan undang-undang jenayah hendaklah diambil setelah terbukti kesalahannya agar menjadi penghalang dan suatu pengajaran kepada sesiapa yang ingin mempermainkan maruah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Baginda telah menyentnh sedikit sebanyak tentang menambah pembinaan rumah kos rendah. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan hendak membina rumah kos rendah kepada rakyat berpendapatan rendah.

Dalam aspek ini, saya ingin mengambil kesempatan ini merayu Kerajaan agar mempercepat lagi proses kelulusan bagi projek-projek perumahan khas bagi pekerja ladang dan lombong di seluruh negara kita. Kerajaan hendaklah memastikan setiap ladang dan lombong di negara ini melaksanakan projek perumahan bagi pekerja mereka agar mereka dapat memiliki rumah itu. Perkara begini pasti akan menggalakkan lebih banyak lagi pekerja berkecimpung dan berminat bekerja di ladang dan lombong. Tidak payah lagi kita membawa masuk pekerja-pekerja asing datang bekerja di ladang-ladang dan masalah pendatang haram dan isu-isu berkaitan dengannya dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh saya dapat diterima dan dapat menyumbang ke arah pembangunan negara kita yang kita cintai ini. Terima kasih,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Senator Puan Azizah.

**5.27 ptg.**

**Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kali yang pertama sejak merdeka, negara kita mengalami pertumbuhan ekonomi yang begitu lembap dan membimbangkan. Kelembapan ini akan terus berlaku beberapa tahun akan datang dan kejatuhan pendapatan negara adalah berpunca dari kejatuhan harga barangan ekonomi dan input yang akibatnya kerugian pendapatan negara. Kelembapan ekonomi ini boleh berlaku kerana ekonomi negara kita akan terus dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara ini telah dapat hidup aman damai dan bahagia di waktu negara berada di paras mewah dahulu di mana segala pembaziran tidak begitu kelihatan. Apa yang sedang berlaku sekarang perlu menjadi satu kesedaran kepada kita supaya sentiasa berjimat cermat dan jangan membazir, walaupun kita mewah. Warganegara yang taat setia dan tidak berbelah bahagi kepada Malaysia mestilah berdiri teguh di belakang Kerajaan yang sedang berusaha dengan gigih untuk mengatasi masalah ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa negara sedang menghadapi kelembapan ekonomi ini setiap warganegara yang taat setia kepada Malaysia janganlah lekas terpengaruh kepada khabar-khabar angin atau dakyah-dakyah yang disebarkan oleh puak-puak anti-Kerajaan yang sentiasa menyusup ataupun menyerap kepada anti-Kerajaan yang berunsur perkauman yang sangat tebal. Puak anti-Kerajaan ini akan terus menggugat, mengkritik Kerajaan, sentiasa memutar belitkan keadaan yang sebenarnya supaya rakyat hilang kepercayaan kepada Kerajaan.



Kesan dakyah mereka ini disokong pula oleh sebilangan orang-orang yang berpura-pura menjadi rakyat Malaysia, mengeluarkan atau memindahkan wang simpanan mereka dari Malaysia ke negara luar. Orang-orang seperti ini tidak ada tempat di Malaysia kerana hanya mencari kekayaan sahaja dan Kerajaan mestilah bertindak tegas terhadap mereka- Kerajaan mestilah menggunakan kuasa undang-undang menarik balik kerakyatan mereka kerana perbuatan mereka ini boleh dianggap telah cuba menggagalkan dan mengkhianati ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kelembapan ekonomi negara kita akan berterusan dalam beberapa tahun akan datang, Kerajaan terpaksa mengambil beberapa langkah yang positif bagi mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Di antara langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan termasuklah cadangan penangguhan kenaikan gaji, menambahkan kadar faedah pinjaman perumahan dan kenderaan dan lain-lain lagi. Kita yakin dan percaya rakyat yang taat setia kepada Malaysia akan berdiri teguh di belakang Kerajaan mengenai tindakan-tindakan yang tegas itu. Apa yang menjadi tajuk perbualan kakitangan Kerajaan di masa sekarang ialah kesan-kesan buruk yang terpaksa dihadapi oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kesan-kesannya di mana puak-puak anti Kerajaan akan mengambil kesempatan memutarbelitkan keadaan yang sebenar dan menyebarkan khabar-khabar angin serta dakyah-dakyah buruk bukan sahaja Kerajaan, walhal kalau puak-puak ini berpeluang merabentuk Kerajaan dan memerintah negara ini; rakyat mungkin tidak ada kebebasan bersuara lagi, apatah lagi menentanginya. Mereka mungkin mengambil tindakan yang lebih tegas lagi.

Oleh kerana masalah ekonomi negara menjadi tanggungjawab Kerajaan dan rakyat, maka saya ingin mencadangkan supaya langkah-langkah berikut ini diambil tindakan oleh Kerajaan dengan secara positif:

- (1) Semua Jabatan dan agensi Kerajaan, kecuali Jabatan atau agensi yang wajib ditadbirkan oleh Kerajaan, diswastakan dengan secepat mungkin;
- (2) Kerajaan hendaklah menggunakan kuasa undang-undang untuk menurunkan atau mengurangkan harga-harga barang-barang keperluan harian seperti beras, gula, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya, termasuklah barang buatan Malaysia. Lembaga Padi dan Beras Negara, FAMA dan lain-lain lagi. yang berkenaan mestilah memainkan peranan membantu mengurangkan harga barang-barang keperluan harian itu dengan membelkakan atau menjual beras, sayur dan sebagainya dengan harga yang murah kepada kakitangan Kerajaan dan swasta, sama ada individu atau melalui Kesatuan Sekerja atau badan-badan koperasi.
- (3) Mengenai kenaikan faedah hutang dan pinjaman perumahan dan kenderaan, Kerajaan hendaklah melanjutkan lagi tempoh bayaran balik pinjaman-pinjaman tersebut untuk mengurangkan beban yang akan dihadapi oleh peminjam-peminjam tersebut .
- (4) Kerajaan hendaklah membenarkan kakitangan Kerajaan kumpulan A hingga C bertukar tempat kerja, sama ada tempat asalnya atau tempat-tempat yang berhampiran dengan kampung halamannya untuk

mbolehkan mereka menjimatkan perbelanjaan dan menampung sara hidup mereka;

- (5) Kerajaan hendaklah mendapat kerjasama dari Kesatuan Sekerja supaya pertubuhan-pertubuhan ini dapat memainkan peranan yang berguna kepada negara dan masyarakat. Pertubuhan ini boleh menerangkan keadaan yang sebenar kepada ahli-ahli mereka dengan lebih dekat lagi dan mengemukakan cadangan-cadangan yang berguna kepada Kerajaan untuk pertimbangan, asalkan tidak menjejaskan perbelanjaan Kerajaan;
- (6) Kerajaan hendaklah menghidupkan semula Rancangan Buku Hijau dan sebagainya supaya rakyat di bandar atau di luar bandar melaksanakan dasar-dasar ini dalam masa kelembapan ekonomi sekarang;
- (7) Kerajaan hendaklah terus memperuntukkan bagi projek-projek bekalan air, elektrik, klinik-klinik di luar bandar, khususnya di mana projek-projek tersebut masih belum diadakan lagi;
- (8) Kerajaan hendaklah mengambil tindakan undang-undang yang lebih tegas terhadap mana-mana kakitangan Kerajaan atau swasta termasuk orang-orang kenamaan jika terbukti terlibat di dalam perbuatan rasuah dan sebagainya dalam masa kelembapan ekonomi sekarang.
- (9) Kerajaan hendaklah membaiki lagi pengurusan bagi projek-projek Kerajaan yang telah wujud sekarang ini supaya segala bentuk pembaziran dan penyelewengan dapat dikesan dan dicegah.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan keruntuhan moral juga menjadi satu masalah kepada negara dan rakyat pada masa ini. Kita bersetuju dengan pendapat bahawa keruntuhan moral di kalangan generasi muda adalah berpunca dari tipisnya iman dan rasa tanggungjawab, sama ada yang beragama Islam atau bukan Islam, Response dan beradapan Barat adalah di antara ciri-ciri "kebebasan tanpa batasan di kalangan generasi muda ini dan mereka dengan mudah sanggup melakukan maksiat, rasuah, salahguna kuasa dan sebagainya untuk memuaskan nafsu mereka. Ini akan terus berlaku jika Kerajaan dan rakyat tidak dibendung kegiatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah mengkaji semula program TV, seperti Bintang RTM yang berjaya mengeluarkan penyanyi-penyanyi atau penghibur-penghibur yang berbakat tiap-tiap tahun. Penghibur-penghibur ini akhirnya menjadi penyanyi di kelab-kelab malam, penyanyi-penyanyi atau bintang-bintang filem yang berunsurkan keganasan, lagu-lagu yang mengandungi senikata-senikata yang membayang kemaksiatan dan sebagainya. Kemunculan kumpulan muzikrock semakin hari semakin mempengaruhi generasi muda dan lagu-lagu merdu yang mengkhayalkan belaka.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu membuat sesuatu tindakan dengan tegas melalui kuasa undang-undang untuk mencegah dan menghalang keruntuhan moral ini. supaya generasi-gaerasi yang akan datang terselamat dari masalah keruntuhan moral. Kerajaan boleh bertindak secara berkesan seperti berikut:

Pertama pendidikan agama. Dari pandangan agama, keruntuhan moral telah banyak mengacau berlakunya sendi-sendi masyarakat dan menghalang kehidupan sosial. Banyak nilai-nilai kerohanian, kesu-silaan dan keagamaan, kemanusiaan juga kemusnahan menjadi-jadi

di sana-sini. Orang-orang tidak lagi mengindahkan tatasusila, tidak mengindahkan agama dan kesopnan dan lebih mudah memasuki golongan kejahatan. Oleh itu, agama adalah satu-satunya jalan untuk menentang keruntuhan moral ini.

Sebagai tindakan dalam jangka pendek, pegawai-pegawai dalam Jabatan Agama di seluruh negara hendaklah mengadakan perjumpaan dengan kakitangan Kerajaan dan swasta yang beragama Islam di pejabat-pejabat Kerajaan dan swasta di waktu makan, misalnya selama 30 minit setiap hari, seminggu dua kali ataupun tiga kali mengikut jadual untuk memberi penerangan secara lebih dekat lagi mengenai masalah yang dihadapi oleh mereka yang ada kaitan dengan agama. Pegawai-pegawai agama tersebut hendaklah menggunakan kaedah runding cara dengan kakitangan Kerajaan dan swasta untuk mengenalpasti masalah dan membimbing mereka ke jalan yang dikehendaki oleh agama dan mencegah perbuatan maksiat seperti bersekedudukan tanpa kahwin, berzina dan sebagainya. Tindakan jangka panjang pula, agama mestilah dijadikan satu matapelajaran yang wajib dipelajari dan lulus dari sekolah rendah sampai ke sekolah menengah, termasuklah peringkat universiti.

Undang-undang hendaklah dipinda untuk memberi kuasa yang lebih luas kepada para hakim Mahkamah Syariah di seluruh negara untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat ke atas mereka yang bersalah. Misalnya, kalau kes-kes yang disebutkan tadi hendaklah dirotan atau direjam dengan batu jika perlu, seperti kes-kes maksiat, bersekedudukan dan berzina dan sebagainya. Tindakan tegas menerusi undang-undang adalah bertujuan mencegah dan menghapuskan perbuatan maksiat di kalangan generasi muda yang ada sekarang dan menyelamatkan generasi akan datang pada tahun 2,000 kemungkinan.

Yang kedua, sikap tegas Kerajaan dan rakyat. Pihak Kerajaan iaitu Kementerian-kementerian Pelajaran, Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dalam Negeri, Penerangan dan Kebajikan Masyarakat mestilah menggunakan kuasa undang-undang untuk membanteras keruntuhan moral di kalangan generasi muda sekarang ini. Disiplin para pelajar di sekolah rendah sampai ke universiti mestilah diperketatkan dengan positif seperti memecat mana-mana pelajar yang didapati melakukan kesalahan dan di dapati bersalah kerana melanggar disiplin dan peraturan-peraturan di sekolah dan di universiti.

Lesen untuk pertunjukan konsert 'rock' ataupun tarian 'rock' dan sebagainya jangan dikeluarkan walaupun diberi berbagai-bagai alasan. Kumpulan muzik tempatan ala-'rock music' perlu dikawal dan dikaji dari aspek nilai-nilai Islam. Program TV, termasuk penayangan filem-filem yang berunsur keganasan, muzik "rock" dan lagu-lagu yang mengandungi senikata yang membayangkan kemaksiatan, filem-filem yang mengenai kebebasan pergaulan muda-mudi perlu dikaji oleh Kerajaan dari aspek nilai Islam. Kerajaan juga perlu membuat kajian untuk menayangkan filem-filem yang lebih sesuai dicontoh melalui kaca TV termasuk TV3 supaya segala gerak-geri dan peradaban Barat itu tidak dicontohi oleh anak-anak muda kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan dan rakyat negara ini terhadap generasi-generasi yang akan datang supaya mereka tidak menjadi manusia yang berjiwa kosong tanpa moral dan hidup seperti haiwan. Kerajaan mestilah menyediakan program-program pembangunan akhlak di kalangan belia-belia untuk dipelajari oleh setiap anak muda belasan tahun apakah itu kesopanan, maruah, keimanan dan tanggungjawab kepada diri mereka sendiri, agama, negara dan bangsa.

Tindakan untuk mengharamkan konsert 'rock' dan sebagainya mesti digantikan dengan program-program yang lebih sesuai selaras dengan nilai-nilai Islam dan mereka ini perlu diberi pembelajaran mengenai buruk baiknya lagu 'rock' yang mengkhayalkan dengan senikata-senikata yang berunsurkan seks dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, negara juga sedang menghadapi masalah pendatang haram dan masalah ini sama ada secara langsung ataupun tidak langsung mengancam keselamatan negara dan rakyat kita. Kita tahu negara yang berjiran di dunia ini kerapkait menghadapi masalah-masalah orang-orang pelarian. Masalah ini akan meninggalkan kesan-kesan yang buruk kepada negara dari aspek ekonomi, politik, kesihatan dan lain-lain lagi.

Perbuatan seperti mengKristiankan belia-belie Melayu secara haram oleh pendatang-pendatang haram itu perlu diambil perhatian berat oleh Kerajaan. Mereka ini telah datang ke Malaysia secara haram dan berpura-pura sebagai orang Islam, pergi ke mesjid tetapi selepas itu mendedahkan diri mereka yang sebenarnya menerusi aktiviti keagamaan mereka yang bercorak haram. Kita masih ingat lagi tektik-tektik yang serupa telah digunakan di' negara-negara bukan komunis yang mana mereka ingin mengkomunikasikan kerana kita tidak tahu apakah dakwah yang disumbatkan ke telinga belia-belie, khususnya belia-belie Melayu,

Tuan Yang di-Pertua, negara sedang menuju ke tahun 2000 yang lebih mencabar lagi. Memandangkan kepada telatah-telatah manusia kini, Kerajaan di negara-negara luar telah dan sedang mengambil tindakan tegas terhadap pendatang-pendatang haram demi kepentingan negara dan rakyatnya. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah-langkah positif ini dengan segera:-

- (1) Sistem Kad Pengenalan yang ada sekarang tidak terjamin kerana pihak sindiket telah berjaya memalsukan Kad-kad Pengenalan ini untuk digunakan oleh pendatang-pendatang haram. Kerajaan mestilah memperkenalkan satu sistem yang lebih berkesan dan sukar dipalsukan oleh kumpulan sindiket tersebut seperti menggunakan nombor siri atau nombor fail cukai pendapatan setiap individu atau rakyat Malaysia dalam Kad Pengenalan yang baru kelak.
- (2) Pegawai-pegawai Penguatkuasa dari Kementerian Dalam Negeri seperti Polis dan Imigresen dan seluruh negara mestilah selalu melancarkan operasi-operasi di dalam bandar besar atau kecil, di kampung atau desa untuk mengesan dan menangkap mereka itu termasuklah mereka yang bersembunyi di mesjid atau di surau, kuil-kuil atau gereja. Mereka yang ditangkap itu dihantar ke Pulau Bidong seperti pelarian Vietnam untuk siasatan dan tindakan undang-undang seterusnya.
- (3) Undang-undang Imigresen hendaklah diperketatkan lagi supaya hukuman yang lebih berat dikenakan ke atas orang-orang yang bersubahat menyembunyikan pendatang-pendatang haram itu.
- (4) Kerajaan hendaklah mengadakan rundingan-rundingan yang lebih kerap lagi dengan negara-negara jiran untuk membendung pelarian-pelarian haram ke negara kita.



- (5) Kementerian Dalam Negeri hendaklah menubuhkan Pasukan Sukarela di setiap bandar besar dan kecil, di kampung atau desa untuk memberi kerjasama kepada Polis dan Imigresen mengenai pendatang-pendatang haram di kawasan mereka. Pasukan Sukarela ini diberi kuasa seperti kuasa Polis Sukarela untuk membuat tugas-tugas intipan dan membuat laporan maklumat kepada pihak yang berkuasa dari masa ke semasa.
- (6) Pegawai-pegawai. Agama di setiap negeri khususnya agama Islam mestilah diberi kuasa undang-undang untuk membolehkan mereka bertindak dengan lebih berkesan lagi terhadap pendatang-pendatang haram.

Tuan Yang di-Pertua, negara masih terus diancam oleh wabak dadah. Walaupun undang-undang anti-dadah di negara kita dianggap yang tertegas di dunia buat masa ini, pindaan Akta Dadah Berbahaya yang memberi kuasa wajib menjatuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap pengedar dadah pada mulanya dikutuk oleh beberapa negara sebagai tidak berpersi kemanusiaan. Walau bagaimanapun, ketegasan dalam undang-undang negara ini terhadap pengedaran dadah telah menarik perhatian dunia bahawa wabak dadah ini mesti ditentang dengan tegas sekali kerana manusia-manusia yang menjadi pengedar dadah ini dianggap terlalu kejam dan sanggup membunuh generasi muda untuk menjadikan pengedar itu kaya-raya melalui jualan dengan cara mudah dan senang.

Tuan Yang di-Pertua, negara telah mewajibkan undang-undang untuk menggantung pengedar dadah sehingga mati jika didapati bersalah, sementara penagih dadah pula dihantar ke Pusat Pemulihan seperti Pusat Serenti. Kerajaan terpaksa menanggung beban kewangan untuk membiayai pusat-pusat tersebut yang dianggarkan lebih kurang \$1000 seorang penagih setiap bulan untuk makan dan minum, tempat tinggal dan sebagainya. Beban ini akan berlipat-ganda di masa-masa yang akan datang dan akan menjadi satu masalah kewangan kepada negara kelak.

Memandangkan kepada telatah generasi sekarang yang telah dipengaruhi oleh peradaban Barat dan pergaulan bebas tanpa batas, kita tidak tahu sama ada ramai lagi akan menjadi mangsa dadah ini dan kita khuatir apa akan berlaku kepada generasi dalam tahun 2000 yang akan datang nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju dengan pendapat bahawa selagi masih wujud bunga popi di ladang-ladang popi di kawasan Tiga Segi Emas yang terkenal **itu**, selagi itu dunia akan dilanda dengan wabak dadah kerana ada manusia-manusia yang ingin mencari kekayaan dengan mudah tanpa mengendahkan hidup atau mati manusia-manusia yang tidak berdosa.

Memandangkan kepada keadaan dunia yang semakin ramai penduduknya dan memerlukan dadah untuk perubatan bagi manusia yang sakit pula, timbullah pula masalah salahgunaan dadah di kalangan generasi muda yang ingin berkhayal dan syok sendiri, oleh itu dikatakan masyarakat moden dan maju dan kini pula telah sampai wabak menghidu gam oleh anak-anak muda. Pendek kata negara dan rakyat tidak dapat lari dari berbagai-bagai masalah yang semakin rumit dan sophisticated.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha Kerajaan memerangi dadah, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan mengambil tindakan yang berikut ini.:-

- (1) Pada keseluruhannya sistem pendakwaan yang telah dan sedang dilaksanakan dengan tegas oleh Kerajaan memberi kesan dalam aspek mencegah penyalahgunaan dadah. Namun demikian, wabak dadah ini masih 'tidak dapat dihapuskan samasekali atas sebab-sebab yang tertentu. Oleh yang demikian Kerajaan mestilah menggalakkan sistem pembelajaran melalui badan-badan sukarela selain daripada PEMADAM supaya melibatkan 'diri dengan cergas dalam kegiatan anti dadah. Aktiviti .dari badan-badan bukan Kerajaan tersebut akan dapat mempengaruhi masyarakat iaitu ibubapa dan belia-belia secara berterusan, menghindarkan diri dari pengaruh dadah menerusi ceramah-ceramah atau perjumpaan di kalangan ahli-ahli badan bukan

Kerajaan ini. Mereka dapat membincang, mengkaji dan mencari jalan mengatasi masalah penagihan dadah, terutamanya generasi muda dalam tahun 2,000 akan datang.

Ahli-ahli badan bukan Kerajaan ini hendaklah diberi kuasa polis sukarela untuk membolehkan mereka menerima maklumat atau laporan, menyiasat dan mengambil bahagian dalam operasi dadah bersama dengan pihak polis dalam kawasan mereka.

- (2) Sistem pemulihan penagih dadah di Pusat-pusat Serenti hendaklah dikajisemula dari aspek jangka panjang dan kesan-kesan kepada beban kewangan. Sama ada Kerajaan mesti menanggung perbelanjaan lebih kurang \$1,000 seorang untuk makan, minum, tempat tinggal dan sebagainya ataupun mencari jalan lain yang lebih sesuai dan mengurangkan beban perbelanjaan Kerajaan. Mungkin ibubapa penagih dadah itu sendiri diwajibkan menjaga anaknya di rumah sementara rawatan diberi oleh pihak Kerajaan, boleh menjimatkan beban kewangan Kerajaan. Cara ini juga mungkin boleh mendatangkan lebih ramat lagi penagih untuk mendapatkan rawatan dari Kerajaan.
- (3) Penghulu-penghulu hendaklah diberi kuasa polis sukarela di tempat masing-masing untuk membantu pihak polis dalam mengesan pengedar atau

penagih yang terdapat di kawasan di bawah jagaannya.

- (4) Kerajaan mestilah memperketatkan lagi undang-undang mengenai pembelian, pemindahan, penyimpanan dan penjualan ubat-ubat merbahaya oleh pekedai ubat atau farmasi supaya penagih dadah mendapati sukar untuk membeli ubat-ubat merbahaya itu sebagai pengganti dadah mereka.
- (5) Kerajaan hendaklah mewujudkan satu undang-undang menjadikan perbuatan menghidu gam sebagai satu kesalahan jenayah dan dikenakan hukuman wajib disebat dengan rotan kerana menghidu gam ini adalah merbahaya juga. Tidak dapat dadah dia menghidu gam, tidak dapat menghidu gam dia menghidu petrol. Mereka ini dikenakan sebat dengan rotan, penjara ataupun denda. Tindakan yang tegas ini perlu diambil untuk memerangi perbuatan menghidu gam di kalangan generasi muda supaya jangan merebak pula menjadi wabak di negara ini.
- (6) Unit anti dadah hendaklah ditubuhkan di setiap sekolah rendah sampai ke universiti dan ahli-ahli unit ini diberi kuasa polis sukarela untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan lagi membantu pihak polis dalam operasi anti dadah di tempat masing-masing.

- (7) Kerajaan hendaklah menggunakan kuasa undang-undang memerlukan ibubapa atau penjaga membuat laporan dengan segera kepada Penghulu jika anak mereka disyaki menjadi pengedar atau penagih dadah untuk tindakan yang sewajarnya dan dikenakan hukuman denda dan penjara jika mereka bersubahat dengan mereka yang telah menjadi penagih dadah ataupun pengedar dadah di kawasan raereka.
- (8) klinik-klinik swasta di seluruh negara mestilah diarah oleh Kerajaan supaya jangan terlalu menggunakan ubat-ubat yang mengandungi dadah yang boleh menyebabkan pesakit bergantung kepada dadah. Sebaliknya menggunakan ubat-ubat yang mengandungi dadah tiruan sahaja kepada pesakit-pesakit dan cara lain yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah negara mencapai kemerdekaan hampir 30 tahun yang lalu, telah kelihatan ada puak-puak anti Kerajaan yang cuba menimbulkan kegelisahan di antara rakyat di negara ini dengan meniupkan soal-soal sensitif dan perkauman. Mereka telah dan sedang menggunakan taktik-taktik untuk memecahbelahkan rakyat berbilang kaum dan keturunan dengan harapan satu hari nanti puak-puak ini boleh memerintah pula mengikut sistem politik mereka yang sempit itu. Dalam polarisasi kaum yang semakin mengancam, kehormatan rakyat hasil hasutan dan dakyah serta khabar-khabar angin yang disebarkan oleh mereka, kita dapat lihat beberapa buah negara luar dalam keadaan huru-hara dan rakyatnya yang tidak berdosa itu, wanita dan kanak-kanak mati kelaparan dan sebagainya. Apabila api telah

menyala akan terus membakat dan amat sukar untuk memadam semula dan oleh itu mestilah menyusun semula secara positif jentera perpaduan rakyat ke satu tahap yang lebih agresif dan berkesan di kalangan warganegara Malaysia.

Kelas-kelaa perpaduan untuk kanak-kanak sampai ke universiti hendaklah dihidupkan supaya mereka dapat bergaul dan berkenalan antara satu sama lain. Dengan cara ini akan dapat mengikiskan perasaan perkauman atau kenegerian di samping dapat memupuk perasaan muhibbah dan harmoni di antara kaum, Kelas atau kelab perpaduan ini tnestilah ditubuhkan di setiap bandar, pekan, kampung dan desa dan ahli-ahli Jawatankuasa dianggotai oleh semua kaum tempat masing-masing. Akti.viti-aktiviti melalui sukan perlu dijadikan satu acara penting di kalangan para penduduk semua kaum di dalam kelab-kelab atau kelas-kelas perpaduan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita yakin dan percaya sebilangan besar rakyat mempunyai taatsetia yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan Malaysia dan kepada negara yang tercinta ini dan mereka sanggup berkorban dan mempertahankan ibu pertiwi. Mungkin juga ada sebilangan kecil manusia yang telah dihasut oleh puak anti Kerajaan rela melihat negara dan rakyatnya menderita. Hasil Peperangan Dunia Pertama, Kedua dan gerakan-gerakan ganas bersenjata terhadap pemerintahan sesebuah negara seperti Lubanon, Sri Lanka dan lain-lain lagi menjadi contoh kepada rakyat yang cintakan keamanan dan kebahagiaan untuk hidup berbaik-baik di antara semua kaum. Kosep dan salin menghormati di antara rakyat akan menjamin kestabilan politik dan ekonomi negara dan rakyat daripada bersengketa sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, sudah smpat masanya Kerajaan bertindak lebih tegas terhadap anasir-anasir jahat ini dengan menggunakan kuasa undang-undang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, barang siapa secara terang-terang mencabar soal-soal sensitit mengenai rakyat negara ini raestilah dianggap raencabuli kehoi-matan Perlembagaan Malaysia yang telah diterima oleh semua kaum sebelum mencapai kemerdekaan pada 31.8.1957 dahulu. Orang-orang ini hendaklah ditahan di bawah Akta tersebut iattu Akta Keselamatan Dalam Negeri dan jika terbukti Kerajaan hendaklah melucutkan kerakyatanyan.

Tuan Yang di-Pertua, negara jiran seperti Thailand telah berjaya menggunakan bahasa Thai sebagai satu alat penting untuk menyatukan penduduk atau rakyatnya, termasuklah keturunan Cina, Melayu dan lain-lain lagi. Nama-nama mereka didaftarkan dengan nama Thai di dalam kad-kad pengenalan Thailand. Orang-orang Cina, Melayu dan sebagainya bertutur dan menulis dalam bahasa Thai dengan fasihnya. Disamping itu menggunakan dan mempelajari bahasa ibunda mereka.

Kita tidak fikir cita-cita kita menggunakan bahasa kebangsaan sebagai alat perpaduan akal kekal jika sekiranya rakyat benar-benar mempunyai kesedaran dan cintakan keamaaan dan kebahagiaan. Apa yang berlaku sekarang menunjukkan masih ada manusia sengaja tidak mahu memahami sejarah Tanah Melayu, kemudian Malaysia dan sanggup menge"ruhkan air yang jernih. Kita berharap Kerajaan tidak akan berpeluk tubuh membiarkan puak anti Kerajaan mencetuskan suasana yang amat bahaya di negara ini dan kita tahu mereka tidak akan melakukan yang serupa jika menjadi rakyat negara selain dari Malaysia.



Tuan Yang di-pertua, perpaduan rakyat amatlah penting untuk menjamin kestabilan politik dan ekonomi negara **ini**. Mungkin ada manusia-manusia di Malaysia masih tidak faham tentang sejarah Tanah Melayu dan Malaysia. Oleh itu, sejarah Tanah Melayu dan Malaysia mestilah menjadi satu perkara yang diajar dan dipelajari oleh setiap kaum yang menjadi ahli kelas perpaduan dan kelab perpaduan yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga yakin bahawa sebilangan besar rakyat fasih bertutur Bahasa Malaysia dan mereka bangga dengan bahasa ini, akan tetapi masih ada orang-orang yang merasa tidak senang hati dengan Bahasa Malaysia ini seolah-olah satu bahasa asing kepada mereka. Walhal kalau kita menjadi rakyat Canada, Belanda dan Taiwan misalnya, kita mesti patuh dengan undang-undang negara itu dan mesti menggunakan bahasa kebangsaannya.

Kerajaan mestilah bersikap tegas mengenai bahasa ini supaya rakyat tidak mempermain-mainkannya dan bahasa ini mestilah dipergunakan secara positif oleh semua jabatan atau agensi Kerajaan, termasuk mahkamah. Kerajaan perlu juga mengkaji sejauh mana pihak swasta menggunakan bahasa kebangsaan kita dalam urusannya sehari-hari. Kerajaan juga mestilah bersikap tegas terhadap pemohon-pemohon apa juga lesen Kerajaan seperti lesen memandu kenderaan dan sebagainya. Permohonan mereka perlu ditolak jika tidak boleh bertutur Bahasa Kebangsaan dengan fasih dan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional hari ini mestilah mempunyai strategi yang lebih berkesan untuk menentang anasir-anasir jahat dan perkauman di negara ini dan bertindak tegas terhadap mereka segala kegiatan jahat mereka mestilah didedahkan oleh rakyat kepada Kerajaan sementara rakyat semua kaum yang taat setia dan cintakan keamanan berdiri-teguh di belakang Kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya memohon supaya dapat direngkaskan ucapan untuk membecikan peluang kepada banyak Ahli-ahli Yang Berhormat lain untuk mengambil bahagian.

**Puan Hajjah Azizah btnti Mohd. Said:** Sedikit sahaja lagi Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said;** Tuan Yang di-Perdua, kita berharap rakyat berbilang kaum di negeri ini. mestilah sentiasa berwaspada kerana musuh-musuh negara akan sentiasa berusaha memecah belahkan perpaduan rakyat yang berbilang kaum. Kita mestilah berfikir 10 kali sebelum membuat sesuatu yang sangat sensitif dan boleh mencetuskan huruhara dan dapat kita gambarkan penderitaannya bagi wanita dan kanak-kanak yang tidak berdosa. Kerajaan mestilah memperkukuhkan lagi kelas-kelas perpaduan semua kaum melalui aktiviti-aktiviti yang berfaedah tetapi janganlah pula mengajak orang-orang Islam bermain judi dan sebagainya yang bertentangan dengan agama Islam

Tuan Yang di-Pertua, tindakan tegas perlu diambil oleh Kerajaan untuk memupuk perpaduan di kalangan generasi muda yang berbilang kaum. Mereka inilah yang sebenarnya masih tidak faham betapa mustahaknya dan pentingnya perpaduan di antara kaum. Generasi muda ini hendaklah digalakkan bercampur gaul dan bertutur bahasa kebangsaan dari sekolah sampai ke universiti. Sementara ibu-bapa mereka perlu diberitahu tentang masalah dan kesan polarisasi kaum jika masih diamalkan sikap mementingkan diri dan memencilkan diri dari kaum-kaum yang lain.

Belia-belia ini perlu didedahkan kepada sejarah tanah air bagaimana orang Melayu menentang Malayan Union Inggeris dahulu, bagaimana rakyat Tanah Melayu menuntut kemerdekaan dan sebagainya. Dan tindakan undang-undang untuk menarik balik kerakyatan hendaklah dilakukan jika masih ada orang-orang yang menunjukkan sikap bencikan Malaysia dan berkhianat kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di masa ini generasi muda telah diresapi oleh peradapan barat dan khayalan dengan lagu rock yang saya sebutkan tadi dan sebagainya dan rasa cinta kepada bangsa dan tanah air serta agama telah menjadi tipis. Lain pula cara hidup belia-belia di dalam negara komunis di mana kepala dan fikiran mereka sentiasa akan dibasuh dengan dakyah-dakyahnya. Mengapa negara-negara kita tidak boleh menggunakan kuasa undang-undang membendung kegiatan liar yang sedang melanda generasi muda pada masa ini seperti undang-undang yang menghalang manusia berpakatan tidak senonoh di khalayak ramai, perbuatan sumbang dan lain-lain lagi yang amat bertentangan dengan nilai-nilai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada manusia yang berpura-pura menjadi rakyat Malaysia tetapi sebenarnya musuh dalam selimut. Kerajaan hendaklah mengambil tindakan-tindakan tegas seperti berikut:-

- (1) Perasaan kedaerahan dan kenegerian di antara rakyat mestilah dihapuskan dengan apa cara sekalipun supaya setiap rakyat tidak lagi ada perasaan syak wasangka antara satu sama lain.
- (2) Selain dari kelas-kelas perpaduan, Kerajaan hendaklah menggalakkan penubuhan persatuan-persatuan penduduk di taman-taman perumahan, kampung-kampung tradisional, di kampung-kampung baru ataupun di estet-estet supaya para penduduk semua kaum dapat melibatkan diri dalam aktiviti yang berfaedah kepada masyarakat setempat.
- (3) Bahasa Malaysia mestilah digunakan oleh setiap peringkat rakyat sama ada di rumah, kedai kopi, pejabat dan sebagainya, termasuk para menteri, pegawai kanan Kerajaan dan lain-lain, kerana kadangkala menteri dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan pun "speaking" juga.
- (4) Parti politik yang berfahaman perkauman dan ekstrim diharamkan kegiatannya dan Akta Keselamatan Dalam Negeri digunakan terhadap sesiapa sahaja yang melakukan hasutan dengan tujuan mencetuskan pergaduhan antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai ketahanan negara memandangkan kepada berbagai ancaman mungkin sama ada dari dalam ataupun luar negeri walaupun Kerajaan terpaksa berjimat cermat, peruntukan wang yang secukupnya mestilah diberikan kepada pertahanan negara. Pertahanan negara dari ancaman musuh bukan sahaja bergantung kepada kekuatan tentera laut darat dan udara sahaja bahkan rakyat Malaysia yang taat setia dan tidak berbelah bahagi mestilah sanggup mati untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara.

Peristiwa detik hitam yang pernah kita alami dalam zaman Perang Dunia Kedua dua pemerintahan Bintang Tiga di negara ini menjadi contoh bahawa yang menderita adalah wanita dan kanak-kanak yang tidak berdosa. Rakyat Malaysia tidak ada pilihan lain melainkan menumpu memupuk perpaduan rakyat secara positif dan menentang dakyah dan kesan musuh negara, Rakyat perlu berdiri teguh di belakang Kerajaan kerana Kerajaan yang memerintah hari ini adalah Kerajaan yang dipilih oleh sebilangan besar rakyat yang cintakan keamanan dan kebahagiaan hidup. Ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu minit.

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd, Said:** Satu minit? Walaupun ekonomi negara tidak begitu menggalakkan, saya berharap agar Jabatan Perdana Menteri mengambil perhatian berat terhadap projek penapisan minyak PETRONAS di Melaka. Sedikit sahaja, kalau tidak sentuh, ralat, Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun keadaan ekonomi meleset kerja-kerja harus disiapkan terhadap projek penapisan minyak PETRONAS di Melaka supaya ianya dapat dilaksanakan dalam tahun 1987 yang tidak sampai sebulan lagi. Dengan wujudnya penapisan minyak PETRONAS di negeri Melaka itu nanti, akan dapat memberi pekerjaan kepada belia-belia yang masih menganggur di negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan negeri Melaka untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing, saya berharap Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan dapat memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri melalui pelaburan-pelaburan luar negeri dan juga program-program lawatan kumpulan-kumpulan yang datang ke negeri Melaka. Kita juga berharap agar pihak Kementerian yang berkenaan memberi keutamaan dan perhatian kepada pembangunan perindustrian negeri Melaka dengan menggalakkan pelabur-pelabur asing melawat Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, rangka menunjukkan bahawa pelancong-pelancong yang datang ke Melaka dalam tahun 1986 amatlah menggalakan dan dijangka lebih ramai lagi akan melawat Melaka dalam tahun 1987 yang setelah Kerajaan Negeri Melaka dapat siap membina projek Mini Malaysia dan rekreasi Istana Kesultanan Melaka di Ayer Keroh, Country resort dan macam-macam lagi yang tidak payah saya sebutkan. Silalah datang ke Melaka. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada Ahli Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

**6.14 ptg.**

**Tuan Tiong Hiew King:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Ti-ah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketujuh pada 7hb Oktober, 1986 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda adalah sangat penting oleh kerana Titah Ucapan Baginda menyentuh perkara-perkara yang asas dan yang boleh menjadi panduan kepada seluruh masyarakat dan negara kita. Ketika negara kita sedang menghadapi pertumbuhan ekonomi yang lembab dan semakin buruk akibat kemelesetan ekonomi dunia yang terus menerus. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pendapatan negara semakin berkurangan akibat pasaran dunia yang lembab serta harga barangan utama yang terus merosot, Kerajaan kita akan terus berjimat-cermat dalam segala perbelanjaannya. Langkah Kerajaan ini memang tepat, bahkan setengah-setengah perbelanjaan yang tidak perlu mesti dikurangkan.

Setengah-setengah rancangan yang tidak akan membawa faedah kepada rakyat dengan segera atau yang tidak akan dapat menggagalkan, merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara kita secara langsung harus juga diketepikan atau ditangguhkan untuk sementara waktu hingga keadaan ekonomi negara kita memulih kembali.

Tuan Yang di-Pertua, ketika negara kita menghadapi keadaan pertumbuhan ekonomi yang kurang memuaskan, Kerajaan kita telah menekankan agar sektor swasta memainkan peranan sebagai penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan ini Kerajaan kita boleh mengubahsuai dan melonggarkan syarat-syarat dan peraturan-peraturan perundangan yang berkaitan dengan perdagangan dan perindustrian.

Sebagaimana yang diketahui, kelonggaran syarat-syarat dan perubahan peraturan-peraturaa perundangan yang dimaklumkan oleh Kerajaan kita akhir-akhir ini hanya bertujuan menarik pelabur asing supaya dapat melabur di dalam negara kita. Itu tidak mencukupi seolah-olah usahawan-usahawan kita, rakyat kita, warganegara kita tidak mampu melabur. Walaupun Kerajaan menitikberatkan peranan sektor swasta sebagai penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi negara, mereka ini telah diabaikan, dilupakan, tidak diberi galakan untuk menyertai pembangunan ekonomi negara, tidak diberi kedudukan persamaan dengan kalau tidak melebihi orang asing dalam bidang pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, waktu membahas Titah Di Raja dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keenam yang dahulu, saya pernah menyeru kepada Kerajaan bahawa setengah-setengah peruntukan atau peraturan dari dasar ekonomi kita harus dikaji semula dan diubahsuai supaya dapat menyediakan suasana yang sihat dan baik



untuk menggalakkan para pelabur baik dari luar negeri atau dalam negeri melabur dalam negara kita. Saya pernah katakan para pelabur baik dari luar atau dalam negeri perlu digalakkan melabur di bidang industri mahupun pertanian. Maka ketika keadaan ekonomi negara kita sedang menghadapi berbagai cabaran yang serius akibat kemelesetan terus menerus ekonomi dunia, semua pihak bukan hanya pelabur asing, tetapi juga rakyat Malaysia, warganegara Malaysia perlu dipelawa menyertai pembangunan ekonomi untuk berusaha bersama-sama dari sekarang dengan lebih bersungguh-sungguh lagi bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang memuaskan atau bagi meransangkan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda dalam Titah Ucapannya menyeru rakyat kita mesti berdikari dan bekerja keras untuk menambahkan produktiviti. Dengan itu kita akan dapat mengurangkan kos-kos pengeluaran kita dan ianya akan membolehkan barangan kita bersaing dengan barangan asing di pasaran dunia. Cuma dengan sikap dan cara inilah kita akan berjaya menghadapi segala cabaran dan mengatasi kesulitan-kesulitan yang dibawa oleh kemelesetan ekonomi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara kita, perpaduan rakyat adalah perlu, adalah mesti. Saya sangat bersetuju bahawa kita semua mestilah berhati-hati dalam sebarang ucapan, penulisan ataupun tindak-tandak supaya isu-isu sensitif tidak dibangkitkan. Saya pernah mengatakan dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam, Parlimen Keenam yang dahulu di Dewan yang mulia ini bahawa masa sudah tiba bagi para pemimpin memikirkan dan mengkaji semula segala dasar dan ucapan. Membuangkan yang berbau perkauman itu supaya dapat memupuk dan memperkukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat kesalan kita ketika kita melihat setengah-setengah pemimpin kita termasuk Ahli-ahli Parlimen akhir-akhir ini masih mengeluarkan kata-kata yang berbau perkauman. Perbuatan mereka itu mungkin bertujuan meninggikan imej diri sendiri, memancing undi supaya dapat terpilih dalam pilihan Ahli-ahli Jawatankuasa parti kelak. Itu memang kurang sihat. Ucapan atau perbuatan begini bukan sahaja menjejaskan perpaduan antara kaum, malah boleh meruntuhkan asas negara kita yang aman dan berdaulat.. Perbuatan seperti itu harus dicegah.

Saya berharap pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, terutama parti Whip menggunakan kekuasaan yang ada, memberi amaran kepada mereka supaya mereka itu akan dapat berhati-hati dalam sebarang ucapan atau tindak-tanduknya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita telah mengambil langkah untuk menambahkan pembinaan rumah kos rendah dengan tujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Selama ini bilangan jumlah rumah kos rendah yang dibina baik oleh Kerajaan mahupun oleh sektor swasta jauh berkurangan dari permintaan dan oleh kerana itu orang-orang yang berpendapatan rendah di seluruh negara tidak dapat memiliki rumah kos rendah.

Harga-harga rumah selain dari rumah kos rendah masih tinggi dan golongan yang berpendapatan sederhana pun tidak mampu membeli rumah-rumah yang berharga tinggi.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan Pusat bercadang mengambilalih projek-projek perumahan kos rendah yang akan dijalankan di semua negeri dalam tempoh 3 tahun yang akan datang. Saya berpendapat cadangan itu adalah baik.

Saya harap agar Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dapat mencapai satu persetujuan supaya projek-projek perumahan kos rendah dapat dilaksanakan dengan lancar dan orang-orang yang berpendapatan rendah berjaya memiliki rumah mereka sendiri.

Suatu perkara yang perlu dibangkitkan di sini iaitu masalah pinjaman perumahan. Kerajaan diminta berusaha agar Institusi Kewangan akan dapat menyediakan segala kemudahan pinjaman dengan kadar faedah yang sederhana kepada sesiapa yang perlu meminjam itu.

Satu perkara lagi yang berkaitan dengan harga rumah itu ialah harga-harga bahan-bahan pembinaan yang pada masa kini nampaknya sangat tinggi, harga bahan-bahan pembinaan seperti besi, simen dan lain-lain tinggi. Jati. kos pembinaan tinggi dan harga rumah pun meningkat juga, maka dalam usaha membina banyak rumah kos rendah untuk rakyat, Kerajaan juga harus berusaha supaya harga bahan pembinaan tersebut dapat turun.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita masih menganggap dadah musuh utama negara. Kerajaan kita akan terus bersikap tegas dalam usaha memerangi dan rakyat diminta bekerjasama untuk menghapuskan penyalahgunaan dadah, selain dari berusaha mendapat sokongan dan kerjasama dari negara-negara seluruh dunia untuk mencegah atau membenarkan sumber bekalan dadah.

Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang konkrit untuk menggerakkan segala pertumbuhan atau kekuatan bersama-sama memerangi penyebaran dan penyalahgunaan dadah. Umpamanya, guru-guru di suruh mengajar murid-murid atau menjelaskan kepada mereka tentang bahaya penyalahgunaan dadah. Guru-guru harus dengan kerjasama dari ibu-bapa murid memperhatikan tindak-tanduk harian murid-murid, baik di dalam lingkungan sekolah atau di luar sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sebagai penutup saya mengambil peluang ini. menyatakan harapan saya iaitu kita semua hendaklah bersatu-padu di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tuan Abdul Ghafar bin Baba untuk berusaha bersama-sama menghadapi segala cabaran yang dibawa oleh kemelesetan ekonomi dunia demi untuk melahirkan sebuah negara yang gagah, dapat dtbanggakan serta sebuah negara yang kukuh, harmoni dan dihormati di dunia.

Dengan ini, saya menyokong penuh Usul mempersembahkan Ucapan Terima kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang hendak bercakap? Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Hussein.

6.27 ptg.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengambil bahagian bersama di dalam membahaskan bagi menyampaikan Sembah Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan sidang Dewan pada kali **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada kali ini suatu Titah yang saya kira bergitu singkat, tetapi padat, penuh bermakna dan mempunyai kandungan-kandungan yang amat bererti bagi kepentingan kestabilan negara untuk kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Saya percaya andainya Titah Ucapan yang pendek ini dapat ditafsirkan dengan sepenuhnya, insya Allah, walaupun keadaan di

ini sedang menghadapi masalah-masalah yang ditanggung sama oleh lain-lain negeri di dunia **ini**, khususnya di dalam keadaan kemelesetan ekonomi dan pergolakan politik di merata-rata di dalam dunia pada ketika ini, insya Allah kita akan dapat mempertahankan kedudukan negara kita **ini**, walaupun mungkin kita tidak akan dapat mengelakkan sepenuhnya, tetapi insya Allah kita akan mampu untuk membendung keadaan-keadaan yang tidak diinginkan, yang telah menimpa di lain-lain negara ini.

Menyentuh kepada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini, banyak faktor-faktor yang penting seharusnya diambil kira dengan secara mendalam oleh semua golongan-golongan rakyat di dalam negeri ini, lebih-lebih lagi kepada ahli-ahli politik yang banyak melibatkan diri dan banyak melibatkan tanggungjawab bagi melahirkan sebuah negara yang benar-benar dikehendaki oleh seluruh rakyat dan kita semua. Sebab itulah saya bercadang akan mengambil bahagian di dalam membahaskan Titah Ucapan ini daripada satu fasal ke satu fasal di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya percaya banyak sudah diperkatakan Titah Ucapan ini melalui Dewan Rakyat yang telah bersidang sejak 2 bulan yang lalu, juga ikut terlibat bagi membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli ini. Dan bermula pada hari ini ramai pula rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Negara ini ikut sama membahaskan Titah Ucapan ini. Oleh yang demikian, mungkin barangkali pentafsiran-pentafsiran individu di dalam masalah Titah Ucapan ini agak berlainan bunyinya, agak berbeza penyampaiannya. Tetapi saya percaya saya juga akan melahirkan pendapat yang akan sama maknanya di dalam membahaskan Titah Ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali menyadari hakikat keadaan yang berada di dalam negara, keadaan yang berada di seluruh dunia inilah yang mendorong Kebawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengisikan Titah Ucapan Tuanku ini begitu padat walaupun dengan keadaan yang singkat.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta maaf, nampaknya masa kita sudah cukup untuk hari **ini**, diminta Yang Berhormat menyambung ucapan itu pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang hari esok, hari Selasa 2hb Disember, 1986.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**

**[Jawapan bagi Pertanyaan No.16 hingga 27 adalah diberi di bawah ini]**

**PROGRAM MURID DI KELAS-KELAS**

**16. Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pelajaran menyatakan: -

- (a) apakah 'Program Bersepadu' dan sama ada program itu boleh dilaksanakan memandangkan bertambahnya ramai murid-murid di kelas-kelas di samping terdapatnya kekurangan kemudahan-kemudahan di kebanyakan sekolah-sekolah; dan
- (b) sama ada sistem tersebut akan ditinjau semula memandangkan terdapat banyak kritikan-kritikan yang dihadapi daripada ibubapa-ibubapa, guru-guru dan pelajar-pelajar .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**

- (a) 'Program Bersepadu' adalah merupakan rancangan pendidikan lima tahun kedua (1986 - 1990) yang dijalankan di Negeri Sembilan. Program ini dilaksanakan di semua sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran. Program ini merangkumi semua kegiatan akademik, ko-kurikulum dan perkembangan sahsiah seperti disiplin, kepimpinan dan keceriaan sekolah.

**Objektif**

Antara objektif-objektif penting yang hendak dicapai ialah untuk:-

- (i) mewujudkan kesedaran kepada ibubapa, guru dan murid-murid akan pentingnya aktiviti-aktiviti dan ko-kurikulum diseimbangkan.
- (ii) memastikan semua sekolah di Negeri Sembilan merancang dan melaksanakan satu projek pendidikan yang merangkumi aspek-aspek akademik dan ko-kurikulum.

- (iii) memastikan seboleh-bolehnya setiap murid diberi peluang mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti persatuan/kelab, permainan/olahraga dan badan beruniform.
- (iv) menimbulkan minat murid kepada sekolah di samping memberi peluang kepada mereka untuk menunjukkan kebolehan dan mengasah bakat masing-masing di dalam bidang yang mereka suka.

#### **Cara Pelaksanaan**

Setiap murid di dalam sekolah yang berkenaan dibahagikan kepada kumpulan atau rumah. Setiap ahli rumah adalah diberi peluang mengambil bahagian dalam satu persatuan atau kelab akademik, satu permainan dan menjadi ahli satu badan beruniform. Untuk menarik minat murid, markah diberi kepada individu dan rumah (Kumpulan) yang mencapai tahap tertentu di dalam pertandingan-pertandingan antara rumah yang merangkumi bidang-bidang berikut:-

1. Kegiatan Akademik (peperiksaan)
  2. Kegiatan Persatuan/Kelab Akademik
  3. Permainan
    - A. Olahraga Tahunan
  5. Disiplin, kepimpinan serta keceriaan kelas dan kawasan sekolah.
- (b) Kementerian Pelajaran sedar bahawa terdapat kelemahan-kelemahan semasa melaksanakan program ini. Walau bagaimanapun memandangkan adanya ruang 'flexibility' yang diberikan kepada guru-guru besar, masalah-masalah yang timbul itu telah dapat diatasi secara individu mengikut keadaan.



**FERI MALAYSIA - PELAYARAN KE ASEAN**

**17. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang mengadakan pelayaran "Feri Malaysia" dari Pulau Pinang ke Medan, dari Pulau Pinang ke Singapura dan ke Phuket, Thailand bagi mengwujudkan muhibbah antara negara-negara ASEAN.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:**

Kerajaan memang ada rancangan untuk mengadakan pelayaran ke destinasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun sebelum Kerajaan memulakan pelayaran ke destinasi-destinasi tersebut, perlulah satu kajian terperinci dijalankan untuk menentukan sama ada pelayaran-pelayaran demikian menguntungkan. Ke arah ini, Kerajaan telahpun meminta pihak Feri, Malaysia Sdn.Bhd. mengkaji kemungkinan membuat pelayaran-pelayaran ke destinasi-destinasi tersebut. Hasil kajian ini akan dibentangkan kepada Kerajaan untuk keputusan selanjutnya.

**PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA DAN LETRIK**

**18. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) secara tegas tarikh terakhir bagi semua pendaftaran kontraktor kerja dan letrik akan dipindahkan dari jabatan-jabatan lain ke PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) memandangkan kepada proses penyelarasan yang terlalu perlahan sekarang yang telah menimbulkan banyak masalah kepada kontraktor Bumiputra; dan
- (b) tugas-tugas baru PKK yang telah diperluaskan dari konsep asal PUSAKABUMI.

**Tuan Kasitah Gaddam:**

- (a) Kerajaan belum lagi menetapkan tarikh terakhir bagi memindahkan pendaftaran kontraktor kerja dan letrik daripada jabatan-jabatan lain ke Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Semenjak Pusat Khidmat Kontraktor (dahulunya PUSAKABUMI) diberi tugas sebagai

Pusat Pendaftaran bagi semua kontraktor kerja iaitu pada tahun 1984, Pusat itu telah memulakan kerja-kerja mengambilalih pendaftaran kontraktor kerja dan letrik yang telah berdaftar dengan jabatan-jabatan lain pada akhir tahun 1984. Sehingga 31 Oktober 1986 sebanyak 8,408 kontraktor kerja dan letrik telah diambil alih pendaftaran mereka ke dalam Sistem Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor. Angka ini adalah daripada sejumlah 9,672 kontraktor yang telah mengembalikan Borang Maklumat kepada Pusat Khidmat Kontraktor bagi tujuan mengambil alih pendaftaran masing-masing ke dalam Sistem Pendaftaran Pusat itu. Baki sebanyak 1,264 Borang maklumat yang telah dikembalikan oleh kontraktor-kontraktor dijangka dapat diselesaikan proses pengambilan alih dalam tahun ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pengambilan alih sekarang ini telah dapat dipercepatkan lagi kerana mulai daripada bulan Ogos tahun ini satu sistem yang baru telah diperkenalkan iaitu di mana kontraktor-kontraktor ditawarkan untuk didaftarkan dengan Pusat Khidmat Kontraktor berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang ada di Pusat itu sahaja dan tertakluk kepada kontraktor bersetuju membuat pengakuan di hadapan Majistret/Pesuruhjaya Sumpah mengesahkan kesahihan pendaftaran mereka dengan jabatan-jabatan lain.

(b) Pertukaran nama Pusat Penyelarasan Khidmat kontraktor-kontraktor Bumiputera atau ringkasnya PUSAKABUMI kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) adalah dibuat dengan tujuan menyesuaikan nama Pusat itu dengan tugas khususnya mendaftarkan semua kontraktor-kontraktor kerja dan letrik dan sebagai Pusat Rujukan (referral Centre) mengenai profile semua kontraktor kerja dan letrik.

Pertukaran nama itu tidaklah mengubah bidang tugas dan tanggungjawab yang telah ditetapkan untuk Pusat tersebut. Walau bagaimanapun, pada masa yang akan datang Pusat Khidmat Kontraktor telah diarahkan supaya memberi penekanan yang lebih kepada perkhidmatan nasihat dan bimbingan kepada kontraktor-kontraktor yang bertaraf Bumiputera yang menghadapi masalah-masalah berhubung dengan bayaran, kontrak dan sebagainya dengan jabatan-jabatan Kerajaan yang tidak mempunyai Unit Penyertaan Bumiputera sendiri.

**PEPERIKSAAN STPM - JUMLAH PELAJAR**

**19. Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) jumlah pelajar yang duduk peperiksaan STPM tahun 1985 di Negeri Sarawak;
- (b) berapakah jumlah penuntut yang dapat kelulusan penuh yang layak masuk ke Universiti;
- (c) kriteria pengambilan pelajar Sarawak masuk ke Universiti tempatan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah pelajar yang menduduki peperiksaan STPM tahun 1985 di Negeri Sarawak ialah seramai 1,136 orang.
- (b) Dalam peperiksaan STPM, kelulusan penuh tidak ada kerana pihak Majlis Peperiksaan melancarkan kaedah Sijil Terbuka. Oleh itu kelayakan yang diambilkira untuk masuk ke universiti adalah berdasarkan pencapaian pada mata-pelajaran.
- (c) Kriteria pengambilan pelajar Sarawak masuk ke universiti tempatan sama seperti calon-calon lain juga iaitu berdasarkan kepada merit pencapaian keputusan STPM. Walau bagaimanapun mereka diberi pertimbangan sewajarnya sehingga mereka yang mempunyai kelayakan yang paling minima dibolehkan masuk ke universiti-universiti.

**PENUNTUT MALAYSIA DI SEBERANG LAUT - MEMBIAYAI**

20. **Puan Mazidah binti Haji Zakaria** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan dalam satu tahun untuk membiayai pelajaran penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan yang dibelanjakan dalam satu tahun untuk membiayai universiti-universiti yang ada di Malaysia pada masa ini.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli. Yang Berhormat, jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi membiayai pelajaran penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut adalah dianggarkan sebanyak \$1.2 billion setahun. Pembiayaan pelajaran Institusi Pengajian Tinggi dalam negeri ialah dianggarkan sebanyak \$600 juta bagi perbelanjaan pembangunan.

**AKTA PELAJARAN 1961 - KAJIAN**

21. **Tuan' Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar Menteri yang berkenaan bercadang menghapus atau meminda Akta Pelajaran 21 (2) jika benar adakah ianya tidak bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan jika tidak:-

- (a) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan di seluruh Negara sebagaimana Sekolah Menengah Kebangsaan yang ada sekarang; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menjadikan' bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai mata pelajaran wajib kepada penuntut-penuntut di semua Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi dalam Negara ini.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Kementerian Pelajaran bercadang mengkaji Akta Pelajaran 1961 secara menyeluruh dengan tujuan untuk mengukuhkan Akta tersebut supaya Dasar Pelajaran Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan. Setakat ini Kementerian Pelajaran belum memutuskan lagi kedudukan seksyen 21(2).

- (a) Kerajaan tidak bercadang mewujudkan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan di seluruh Negara sebagaimana Sekolah Menengah Kebangsaan yang ada sekarang; dan
- (b) Kerajaan tidak juga bercadang menjadikan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai mata pelajaran wajib kepada penuntut-penuntut di semua Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi dalam Negara ini.

#### CUKAI PENDAPATAN - TUNGGAKAN

**22. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Kewangan menyatakan, sehingga 31.12,1985 berapa jumlah tunggakan cukai pendapatan seluruh negara:

- (a) bagi orang perseorangan dalam negeri;
- (b) bagi orang perseorangan yang tinggal di luar negeri;
- (c) syarikat-syarikat perniagaan yang didaftar di Malaysia dan beroperasi di luar Malaysia.

Apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mendapatkan segera tunggakan tersebut.

**Tuan Loke Yuen Yow** Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kewangan tidak dapat memberi jumlah tunggakan mengikut pecahan-pecahan yang dikehendaki. Jumlah semua tunggakan cukai pendapatn sehingga 31.12.1985 ialah \$2,240.7 juta bagi Semenanjung Malaysia, \$376.9 juta bagt Sabah dan \$68.6 juta bagi Sarawak. Bagi Semenanjung Malaysia jumlah ini terdiri dari pecahan-pecahan seperti berikut:-

<b>Pecahan</b>	<b>Jumlah</b>
Syarikat	\$1,344.6 juta
Individu	866.4juta
Lain-lain	<u>29.7 juta</u>
Jumlah	\$2,240.7 juta
	=====

Walaupun jumlah cukai pendapatan yang tertunggak di Semenanjung Malaysia sehingga 31.12.1985 berjumlah \$2.240.7 juta tetapi sekiranya ditolak jumlah 'stoodover' sebanyak \$563,15 juta, taksiran yang baru dihantar kepada pembayar-pembayar berjumlah \$1,080.84 juta, kes-kes yang dihapuskira berjumlah \$12.74 juta, kes-kes yang masih di dalam tindakan mahkamah dan lain-lain berjumlah sebanyak \$491,89 juta, dengan itu jumlah tunggakan sebenar (net effective arrears) bagi Semenanjung Malaysia sehingga 31.12.1985 ialah \$92.08 juta sahaja. Jabatan Hasil Dalam Negeri. akan terus mengambil langkah dan tindakan-tindakan termasuk tindakan mahkamah untuk mendapatkan jumlah tunggakan ini. Walau bagaimanapun kesan daripada tindakan dan langkah yang diambil serta jumlah sebenar tunggakan cukai pendapatan akan hanya diketahui. pada akhir tahun 1986.

Berhubung dengan bahagian dua soalan, langkah-langkah yang telah diambil untuk mendapatkan tunggakan cukai pendapatan ini ialah melalui denda, peringatan dan tindakan mahkamah. Langkah-langkah ini boleh dikatakan berkesan untuk mendapatkan kembali jumlah cukai pendapatan yang tertunggak. Untuk memperbaiki lagi sistem pungutan cukai pendapatan, Kerajaan telah mewajibkan skim potongan cukai bulanan bagi pekerja-pekerja di-Semenanjung Malaysia bermula dari tahun taksiran 1987, jika jumlah cukai yang kena dibayar melebihi \$500 setahun. Pelaksanaan skim potongan bulanan ini akan dapat mengurangkan lagi jumlah tunggakan cukai pada tahun-tahun akan datang.

**HOSPITAL KERAJAAN - MENDERMA DARAH**

**23. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat di kalangan kakitangan Kerajaan yang kurang minat untuk menderma darah kepada tabung darah di hospital-hospital Kerajaan kerana:

- (a) cuti yang diberi kepada penderma-penderma darah hanya sehari sahaja iaitu pada hari menderma darah tersebut;
- (b) kemungkinan kurang. layanan apabila penderma darah perlukan rawatan dari pihak berkenaan hospital; dan
- (c) jika sedar apakah tindakan yang sedang dan akan diambil.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Menderma darah dilakukan dengan secara sukarela. Dengan demikian untuk menggalakkan orang ramai menderma darah, Kementerian Kesihatan sentiasa memberikan keutamaan kepada mereka semasa mereka mendapatkan rawatan di hospital.

- (a) Kementerian Kesihatan hanya menerima penderma darah yang sihat. Oleh itu pada kebiasaannya Sijil Cuti Sakit tidak akan diberi kepada mereka. Sijil Cuti Sakit hanya akan diberi kepada penderma-penderma yang memerlukannya sahaja. Lazimnya pihak hospital akan mengemukakan surat akaun kepada Ketua Jabatan yang mengatakan bahawa penderma-penderma berkenaan telah menderma pada hari tersebut. Dengan demikian "time off" akan diberikan kepada penderma tersebut.
- (b) Kementerian Kesihatan sentiasa memberi perhatian dan cuba memberikan layanan secukupnya kepada penderma-penderma darah semasa mereka



mendapatkan rawatan di hospital. Untuk ini Kementerian memerlukan bukti bahawa pesakit tersebut pernah menderma darah. Beberapa keistimewaan telah diberikan kepada mereka berdasarkan kepada berapa kali penderma-penderma tersebut telah menderma (mengikut arahan yang dinyatakan di bawah Peruntukan Perintah Fee (Perubatan) (1982). Misalnya mendapat rawatan percuma di Jabatan Pesakit Luar dan sekiranya mereka dimasukkan ke wad, mereka akan mendapat rawatan percuma di Kelas Dua dalam tempoh masa 4 bulan selepas pendermaan darah itu.

(c) Tindakan yang sedang diambil dan akan diambil ialah:

- mengadakan perkhidmatan kaunter yang lebih baik, misalnya penderma darah yang datang ke Jabatan Pesakit Luar diberi keutamaan untuk mendapatkan rawatan secepat mungkin.
- Kementerian Kesihatan akan terus menggalakkan penyertaan kakitangan Kerajaan sebagai penderma darah dengan meminta semua Ketua Jabatan supaya mereka memberi galakan untuk lebih ramai kakitangannya untuk menderma darah. Di samping itu, Kementerian juga mendapatkan penyertaan dari agensi-agensi lain seperti Puspanita untuk menganjurkan kempen menderma darah.

**PERUNTUKAN PENDAHULUAN KEPADA SABAH**

24. **Tuan R.M. Jasni** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar Kerajaan Negeri Sabah sebagai negeri kedua yang terhutang dengan Kerajaan Pusat melalui bayaran pendahuluan (advances) dari peruntukan yang sepatutnya dibelanjakan dalam masa Rancangan Malaysia Kelima ini. Jikalau benar:

- (a) berapakah jumlah pendahuluan (advances) tersebut; dan
- (b) adakah Kerajaan Sabah masih mempunyai baki peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelima ini atau terpaksa meminjam peruntukan bagi Rancangan Malaysia Keenam untuk memenuhi keperluan pembangunan dalam jangkamasa Malaysia Kelima.

**Tuan Loke Yuen Yow:**

- (a) Kerajaan Persekutuan telah memberikan pendahuluan kepada 4 buah negeri di bawah Akaun Semasa Antara Pentadbiran. Negeri-negeri ini ialah Perak, Kelantan, Sabah dan Pahang. Pendahuluan yang diberikan melalui Akaun Semasa Antara Pentadbiran kepada Kerajaan Negeri bagi perbelajaan berganti balik (Reimbursable Expenditure) adalah berdasarkan peruntukan tahunannya. Bagi Negeri Sabah untuk tahun 1986 iaitu sehingga November 1986, pendahuluan sebanyak \$23,431,193.55 telah dibayar kepada Kerajaan Negeri sebagai menjelaskan tuntutan bagi perbelanjaan. Sehingga ini tuntutan berjumlah \$20,175,107.24. Baki pendahuluan sebanyak \$3,256,086.31 adalah untuk menampung perbelanjaan sehingga penutupan akaun 1986. Dengan itu, besar kemungkinan Kerajaan Sabah tidak akan terhutang dengan Kerajaan Persekutuan apabila akaun 1986 ditutup.

- (b) Pendahuluan diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah adalah berdasarkan kepada peruntukan tahunan. Oleh kerana Rancangan Malaysia Kelima baru bermula dalam tahun 1986, Kerajaan Negeri Sabah masih mempunyai baki -peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

#### BADAN DAKWAH - PENYEBARAN

**25. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil dengan wujudnya 'Badan-badan Dakwah yang terang-terang melahirkan keraguan dan mengelirukan kepercayaan (Akidah) umat Islam di negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor]:** Langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil bagi memerangi penyebaran ajaran Islam yang salah dan ajaran sesat adalah dalam dua cara iaitu melalui dakwah dan yang kedua melalui tindakan undang-undang. Aktiviti dakwah dan penyebaran ilmu pengetahuan agama Islam adalah dijalankan melalui sekolah-sekolah, kelas-kelas pengajian di masjid-masjid dan surau-surau, kursus-kursus dan ceramah-ceramah, melalui radio dan TV dan melalui penerbitan-penerbitan.

Sementara itu Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak negeri-negeri ada memperuntukkan kuasa bagi pihak berkuasa agama Islam negeri mengambil tindakan undang-undang terhadap orang perseorang dan badan-badan yang raenyebar agama Islam yang menyeleweng dan 'ajaran sesat. Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri sertiasa mengikuti kegiatan badan-badan dan orang-orang persaoangan yang disyaki membawa ajaran Islam yang diragukan dan membuat penyelidikan yang terperinci sebelum sesuatu tindakan yang sesuai diambil terhadap badan-badan dan orang-orang perseorangan yang berkenaan itu.

**PENDATANG HARAM YANG DIUSIR**

26. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan seperti berikut:-

- (a) jumlah bilangan pendatang-pendatang haram di negara ini yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka masing-masing sehingga 31hb. Oktober, 1986;
- (b) adakah Kerajaan dapat meraastikan kepada tiap-tiap pendatang haram dihantar pulang ke negara mereka itu akan tidak datang lagi ke negara kita atau sebaliknya;
- (c) adakah apa-apa denda atau hukuman dikenakan kepada pendatang-pendatang haram ke negara kita ini dan tidakkah dianggap mereka ini sebagai penyeludup juga; dan
- (d) berapa ramaikah bilangan pendatang-pendatang haram setakat ini yang dapat ditangkap mereka terlibat jadi penjenayah, pencuri rompak-samun dan perabunuh terhadap warganegara kita sendiri.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Shuaib dan Lazim pada 8.12.1986 oleh kerana kedua-dua soalan ini mempunyai maksud yang hampir sama.

Jumlah Pendatang Haram yang diusir keluar ke negara asal mereka dalam tahun ini iaitu sehingga 31 Ogos 1986 ialah seramai 8,577 orang.

Kerajaan tidak dapat memastikan bahawa tiap-tiap Pendatang Haram yang diusir keluar itu tidak akan balik ke negara **ini**. Dalam pada **itu**, Kementerian Dalam Negeri sentiasa bertindak teg'as ke atas mana-mana pendatang haram dan tetap akan mengusir mereka keluar apabila dikesan. Sekiranya yang pernah diusir ke luar itu kembali setnula sebagai pendatang haram, kita tetap akan bertindak tegas ke atas mereka.

Pendatang haram boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi \$2,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Sungguhpun undang-undang memperuntukkan kuasa untuk mendakwa mereka tetapi pada soalnya sebahagian besar daripada mereka diusir terus. Tindakan ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan kerana urusan pendakwaan dan mengelakkan bertambahnya kesesakan tempat tahanan sementara menunggu mereka itu dibicarakan. Mengenai soalan sama ada pendatang haram dapat dianggap sebagai penyeludup, sukalah dimaklumkan bahawa mereka bukan penyeludup. Jika seseorang pendatang haram itu didapati menyeludup apa-apa barang ke negara ini, mereka akan didakwa mengikut undang-undang berkenaan.

Dalam tahun 1985, dari jumlah 89,224 kes jenayah yang dilaporkan, 1,184 kes (1.33%) adalah disyaki dilakukan oleh pendatang haram. Dalam tahun 1986, iaitu hingga akhir bulan Jun, daripada jumlah 47,391 kes jenayah yang dilaporkan, 737 kes (1.55%) adalah disyaki dilakukan oleh pendatang haram.

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SRP/SPM/STPM - PENGUMUMAN**

**27. Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

(a) sebab-sebab tidak ditetapkan terlebih dahulu tarikh untuk mengumumkan keputusan:

(i) Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran;

(ii) Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia; dan

(iii) Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran.

(b) sama ada untuk mengurangkan spekulasi dan kebimbangan mereka yang menunggu keputusan adakah akan ditetapkan tarikh tetap pada masa akan datang dan nyatakan tarikh yang ditentukan untuk keputusan peperiksaan yang diadakan pada tahun itu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**

(a) Untuk makluman Ahli Yang berhormat, Kementerian Pelajaran tidak dapat menetapkan terlebih dahulu tarikh untuk mengumumkan keputusan Peperiksaan SRP, SPM dan STPM kerana perkara ini bergantung kepada secepat mana semua kerja-kerja memproses keputusan dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran memang berusaha untuk mengumumkan keputusan peperiksaan tersebut dengan seberapa cepat yang boleh.

(b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran tidak dapat menetapkan tarikh yang tertentu untuk mengumumkan keputusan peperiksaan pada masa akan datang kerana semasa memproses keputusan kemungkinan beberapa perkara yang tidak diduga mungkin berlaku misalnya jika terdapat kes penipuan siasatan terpaksa dijalankan dan ini mungkin akan melewatkan tarikh pengumuman peperiksaan.